



اُنِيُوْرْسِيْتِي مَارَا تِي كُنُوْلُو كِي مَارَا

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA KAPTEN (B) ABD LATIF BIN MOHD NOR YANG
DIPERTUA PERSATUAN BEKAS PARAJURIT NEGERI PAHANG**

OLEH:

MOHAMAD HAFIDZON BIN SHAHIDAN

2012641808

MOHAMAD HAFIZ BIN MOHAMAD HELMI

2012519549

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
KAPTEN (B) ABD. LATIF BIN MOHD NOR
YANG DIPERTUA PERSATUAN BEKAS PARAJURIT NEGERI PAHANG

OLEH:

MOHAMAD HAFIDZON BIN SHAHIDAN

2012641808

MOHAMAD HAFIZ BIN MOHAMAD HELMI

2012519549

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
BIODATA TOKOH	vi
PENGENALAN	ix
TRANSKRIP	2
LAMPIRAN	50
SOALAN	51
LOG TEMURAMAH	56
INDEKS	60
RUJUKAN	62

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Di sampingitu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan], Puan Nor Kamariah Binti Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar bagi menyiapkan proje kini.

Tokoh yang kami hormati, Kapten (B) Abd Latif bin Mohd Nor dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami sertarakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual atau wawancara bersama seorang tokoh yang bernama Kapten (B) Abd. Latif bin Mohd Nor yang bertujuan untuk mengetahui lebih mendalam berkenaan dengan latar belakang dan kerjaya beliau dalam bidang ketenteraan dan politik. Transkrip yang merakamkan temubual ini berlangsung disebuah bilik mesyuarat yang dimiliki oleh syarikat bas Jengka Liner yang terletak di bandar Pusat Jengka, Maran, Pahang. Sesi temubual ini bermula pada jam 11.00 pagi dan bertarikh 30.05.2014. Beliau merupakan salah seorang tokoh parajurit dan politik yang terkenal di Kuala Lipis, kerana banyak menabur bakti dalam kalangan masyarakat setempat. Beliau telah menceburi bidang ketenteraan sejak berumur 16 tahun lagi ketika menyertai Maktab Tentera Diraja sehingga bersara dan bergiat dalam bidang politik. Transkrip ini menyingkap dan merumuskan serba sedikit berkenaan dengan latar belakang dan pengalaman beliau ketika beliau masih lagi berkhidmat. Secara keseluruhan sesi temubual ini lebih memumpukan kepada pengalaman beliau sepanjang menjadi seorang anggota tentera yang bergelar pangkat Kapten. Selain berkongsi pengalaman hidup beliau ketika berperang dengan penganas komunis di Negara ini, beliau turut memberi pandangan dan nasihat kepada generasi hari ini berkenaan dengan situasi politik semasa di Malaysia.*

Kata kunci : *Kapten (B) Abd. Latif bin Mohd Nor, ketenteraan, politik, pengerusi, persatuan parajurit, Kuala Lipis.*

BIODATA TOKOH

Biodata Tokoh



MAKLUMAT DIRI

Nama : Abd Latif bin Mohd Nor

Asal :

Status :

Jawatan :

Bidang :

No. Telefon :

PENDIDIKAN

Sekolah Kebangsaan Budu

Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford

Maktab Tentera Diraja

PENGIKTIRAFAN

Pingat Khidmat Cemerlang [PKC]

AMP [Ahli Mangku Pahang]

AMN [Ahli Mangku Negara]

JAWATAN DALAM TENTERA

Pegawai Tulus Tiga Risik, Markas Briget Kota Bharu, Pengkalan Chepa

Leftanan Muda, Rejimen Askar Melayu Diraja

Kapten, Rejimen Askar Melayu Diraja

PENGENALAN



Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) adalah merupakan sebuah persatuan yang tertua di Negara ini. Mula ditubuhkan pada 20 Mei 1922, dengan nama Ex-Services Association of Malaya (ESAM) dan telah diterima menjadi Ahli Gabungan “British Empire Services League” pada 22 Mei 1922. Mengikut rekod inisiatif untuk menubuhkan persatuan ini dilakukan oleh bekas-bekas anggota tentera British dan beberapa buah negara Eropah yang pernah berkhidmat ketika perang dunia pertama di negara ini. Mereka ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai ekspatriat British yang berkhidmat di Malaya.

Pada awal penubuhannya pertubuhan ini diketuai oleh Mr. F.W. Palmar sebagai Pengerusi Cawangan Selangor. Pada ketika itu persatuan ini ditubuhkan bagi membolehkan ahli-ahli bergerak dalam kegiatan sosial sahaja. Malangnya persatuan ini terpaksa dibubarkan apabila perang dunia kedua meletus. Persatuan ini digerakkan semula pada tahun 1946 di Selangor dan kemudiannya dituruti oleh beberapa cawangan di Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Pulau Pinang, Alor Setar, Kota Bharu dan Melaka.

Sekretariat diwujudkan oleh seorang Setiausaha Agung Mejar (B) Ismail bin Babu dan dibantu oleh beberapa orang kakitangan dan terus berkembang dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan persatuan termasuk pentadbiran terutama dalam menguruskan hal-hal kebajikan ahli-ahli dan tanggungan mereka. Pada tahun 1967, dua buah lagi negeri telah diterima menjadi ahli gabungan ini, iaitu Sabah dan Sarawak dan selepas itu nama persatuan ini ditukar kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM). Mengikut rekod pada penghujung 1959, jumlah ahli persatuan ini hanyalah seramai 2,607 orang, namun bilangan ini bertambah kepada 7,442 (1970) dan 16,257 (1974).

Urusetia atau sekretariat PBPM telah mula bergerak dengan pesat selaras dengan pembangunan dan perkembangan persatuan. Sejak itu sambutan serta sokongan daripada kerajaan, sektor awam dan sektor swasta telah meningkat dari masa ke semasa sehingga membolehkan PBPM bergerak sebagai sebuah badan kebajikan yang terunggul di Malaysia. Selaras dengan pembangunan dan kemajuan PBPM kini sudah berjaya membuktikan keupayaannya sebagai sebuah Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang terunggul di Negara ini. Nama Persatuan ini sekali lagi telah ditukar kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) pada 28 Julai 1998. PBTM kini mempunyai 14 bahagian dan 200 cawangan di seluruh Negara, dan jumlah ahli yang mendaftar sehingga tahun 2011 ialah seramai 146,099 orang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Bismillahirrahmarahim, Assalamualaikum wbt dan selamat pagi saya ucapkan kepada Kapten (B) Abd. Latif b. Mohd Nor kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini. Sebelum kami meneruskan sesi ini dengan lebih mendalam, izinkan saya memperkenalkan diri saya dan rakan saya terlebih dahulu. Nama saya Mohamad Hafidzon b. Shahidan dan rakan saya Mohamad Hafiz b. Mohamad Helmi akan menemuramah Kapten, berkenaan dengan pengalaman hidup dari aspek latar belakang, pendidikan dan kerjaya kapten yang pernah berkhidmat sebagai seorang tentera dan bergiat aktif dalam bidang politik. Kami merupakan pelajar semester ke lima [5] Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604) yang diberikan oleh pensyarah kami, iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik. Kami telah memilih Kapten (B) Abd. Latif sebagai tokoh yang kami ingin wawancarakan kerana kami berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan tentang latar belakang Kapten. Kami amat mengagumi kapten yang mampu melibatkan diri dalam bidang yang berbeza.

Bahagian A : Latar belakang

Hafidzon: Baiklah, kita akan terus saja pergi kepada soalan yang pertama, boleh Kapten (B) bercerita sedikit berkenaan dengan latar belakang Kapten (B), dari segi nama umur dan dilahirkan dimana?

Kapten (B) : Nama penuh saya Abd. Latif b. Mohd Nor. Saya dilahirkan di kampung, daerah Kuala Lipis, Pahang. Dan *skang* [sekarang] berumur *tu* [itu] *tak* [tidak] lah tua sangat, tapi lebih *kuang* [kurang] lima puluh enam *taun* [tahun]. Makna sedang, sedang kata orang tua *tu* [itu], sedang *mengkei* [masak untuk buah-buahan] (ketawa kecil) *ok* [baik]. Jadi pengalaman saya daripada dulu sampai sekarang, saya *ni* [ini] kata orang *tu* [itu] banyak daripada sekolah tentera, masuk tentera, lepas *tu* [itu] terlibat dalam dunia perniagaan, *pahtu* [lepas itu] terlibat dalam arena politik iaitu parti UMNO [United Malays National Organisation] lah.

Hafidzon : **Jadi mungkin benda *tu* [itu] kita akan bercerita kemudian, dari segi pendidikan, kerjaya dan sebagainya. Kita fokuskan kepada latar belakang Kapten (B) dahulu. Dari segi nama ayah, ibu dan berapa orang adik beradik?**

Kapten : Nama ayah saya , dan nama ibu saya , dan saya mempunyai lima [5] adik-beradik, empat [4] lelaki dan satu [1] perempuan, dan saya adalah anak yang keempat [ke-4] daripada lima [5] adik-beradik *ni* [ini] tadi *ok* [baik].

Hafidzon : **Jadi mungkin Kapten (B) boleh berkongsi *sikit* [sedikit] tentang perkahwinan Kapten (B), mempunyai berapa orang anak, dan mungkin juga mempunyai berapa orang isteri (ketawa) kalau *tak* [tidak] keberatan lah.**

Kapten : *Ok* [baik], saya telah berkahwin, dan mempunyai dua [2] orang isteri. *Ok* [baik] satu [1] isteri saya berasal daripada Kota Bharu, Kelantan, dan yang kedua [ke-2] berasal daripada Negeri Sembilan. *Ok* [baik] saya mempunyai isteri saya yang pertama [1], ada empat [4] orang anak dan semuanya *pompuan* [perempuan]. Dan

isteri yang kedua [ke-2] mempunyai lima [5] orang anak dan *sorang* [seorang] lelaki. (batuk) Yang isteri yang pertama, yang anak-anak yang pertama *tu* [itu] majoritinya telah habis belajar, dan yang kedua [ke-2] masih lagi belajarliah. Ada di Temerloh [nama sebuah daerah di Pahang], ada di Maktab Rendah Sains Mara [MRSM] *tulah* [itulah] lebih kurang dia punya gambaran kasar *ok* [baik].

Hafidzon : **Bila *tu* [itu] tarikh perkahwinan kalau Kapten (B) masih ingat?**

Kapten : Yang pertama saya kahwin pada empat belas [14] haribulan dua [2] tahun lapan puluh empat [1984]. Dan yang kedua [ke-2] saya berkahwin pada dua puluh enam [26] haribulan sembilan [9] tahun sembilan belas sembilan puluh enam [1996].

Hafidzon : **Lepas *tu* [itu] mungkin ada anak Kapten (B) yang sudah berkahwin? Adakah Kapten (B) mempunyai cucu sekarang?**

Kapten : *ok* [baik] Anak saya yang sulung dah berkahwin, dan mempunyai seorang cucu lah. Dan sekarang *ni* [ini] dia duduk di Jerantut *ok* [baik].

Hafidzon : **Itu saja? (batuk) Lepas *tu* [itu] boleh Kapten boleh berkongsi serba sedikit tentang pengalaman semasa zaman kanak-kanak?**

Kapten : *Ok* [baik] Zaman dulu, zaman budak-budak dulu dia berbeza pada zaman sekarang. Dulu kita kata maknanya ayah kita orang kampung. Jadi bila orang kampung *ni* [ini] dia tidak ada kata orang *tu* [itu] (berfikir) dari segi elemen pendidikan dia *tak* [tidak] tinggi. Dulu betul-betul kita menggunakan kepakaran otak masing-masing untuk berjaya, maknanya dari segi tuisyen ke, sekolah ke.

Nak kata *tak* [tidak] *ambik* [ambil] berat *tu* [itu] *ambik* [ambil] berat *juga* [juga] tapi dia tak reti nak mengolahkan keadaan. Dia hanya boleh bagi tahu, kalau *tak* [tidak] *nak* [hendak] *kije* [kerja] macam ayoh [ayah] belajolah [belajarlah] rajin-rajin. Itu *je* [sahaja] motivasi yang dia bagi. Jadi maknanya, mandi pun mandi *sungei* [sungai], minum pun minum air telaga. macam kampung saya *tu* [itu] kampung budu. Kampung budu *ni* [ini] air paip dia mula masuk di kampung *tu* [itu] pada tahun tujuh puluh satu [1971]. Dan *letrik* [elektrik] dia *tak* [tidak] silap saya pada tahun tujuh puluh tiga [1973], masa *tu* [itu] saya tingkatan tiga [3] baru dah ada letrik [elektrik]. Itu pun *letrik* [elektrik] pun dua belas [12] jam *je* [sahaja], enam [6] petang sampai enam [6] pagi. Yang mana meternya, masa *tu* [itu] dia bayor [bayar] bulanan. Kalau seratus [100] *watt* [unit untuk elektrik] *tu* [itu] enam ringgit setengah [RM 6.50] tak silap saya. Jadi maknanya, pukul enam [6] petang pasang, pukul enam [6] pagi tutup. Maknanya kalau pasang lebih sikit, dia tendang. itulah dulu kaedahnya. Jadi sebab dulu, zaman kanak-kanak dulu majoriti kitorang [kami semua] *ni* [ini], maknanya kalau kita tengok memang pandai berenang. Sebab apa, kita mandi *sungei* [sungai]. Jadi maknanya pembelajaran berenang *tu* [itu] *belajo* [belajar] sebab untuk atau dalam bahasa lainnya *survival* [ketahanan hidup] diri kita sendiri. Makna kita *belajo* [belajar] tidak ada teknik yang betul. Makna kita *belajo* [belajar] berenang secara praktikal lah. Maknanya, macam *tulah* [itulah] caranya, sebab kita mandi *sungei* [sungai] kan memang kita boleh tahu, maknanya permainan masa *tu* [itu] kita lebih kepada permainan tradisional, dan *jugek* [juga] kita pada masa itu, maknanya kata orang *tu* [itu] dari segi permakanan pun dari segi kita makan semua benda yang boleh

makan. Makna kalau kita cerita hari *ni* [ini], orang hari *ni* [ini] tak makan benda *tu* [itu] tapi kita makan contohnya, macam buah buah kata orang *tu* [itu] saya pun tak ingat dah macam buah kelubi ke, buah salak ke, kita cari sendiri dan kita makan sendiri. *Takdelah* [tidak adalah] kata orang *tu* [itu] nak beli di *kedei* [kedai] ke (batuk). Malahan nak dapat telur pun dulu, telur ayam *ni* [ini] kena cari dalam reban. *Takdeklah* [tidak adalah] nak jual *kedei* [kedai], *takdek* [tiada] pada masa *tu* [itu]. itulah dia punya, dia punya kata orang *tu* [itu] perbezaan dengan hari ini. Dulu kita nak mendapatkan baju pun, baju hanya dapat hari raya *je* [sahaja]. Baju *sekoloh* [sekolah] pun kita dapat setahun sekali *je* [sahaja], itupun baju yang ala kadar *je* [sahaja]. Dan malahan kasut pun, kata orang *tu* [itu] orang hari ni [ini] berbeza. Hari *ni* [ini] orang pergi *sekoloh* [sekolah] dengan kasut yang cantik yang mahal. Kita dulu kasut *ni* [ini] hanya kasut yang murah *je* [sahaja]. *Pahtu* [selepas itu] kita dulu kalau lalu tempat *lecoh* [lecah], kita *ambik* [ambil] kasut *tu* [itu] kita *sidei* [sidai] dileher, takut rosak kasut. Hari *ni* [ini] terbalik, orang hari *ni* [ini] patutnya kasut *tu* [itu] untuk menyelamatkan kaki. Oleh kerana tak mampu pada masa *tu* [itu] kita terpaksa *sidei* [sidai] kasut dileher untuk mengelakkan kasut itu *ghosok* [rosak]. Itu bezanya dulu dengan sekarang. Dari segi maknanya kehidupan pula kita dulu lebih kepada kata orang *tu* [itu] ketahanan diri sendirilah. Maknanya dengan ubat *takde* [tiada], dengan apa *takde* [tiada], dengan sistem *takde* [tiada] (batuk), jadi maknanya kita lebih kepada maknanya *self* [diri] motivasi sendirilah, untuk kedepan. Maknanya kata orang *tu* [itu] kalau nak kira pengalaman *tu* [itu] kalau nak dibandingkan hari *ni* [ini], dulu kita lebih kepada *survival* [ketahanan hidup] lah. Hari *ni* [ini] dia dah manjakan? Dulu kita kata

orang *tu* [itu] *takdek* [tiada] kereta, semua naik bas, jalan kaki. Hari *ni* [ini], celik-celik mata, dah air apa kata *tu* [itu] pulas *je* [sahaja] dah keluar air. *Pahtu* [selepas itu] petik di dinding dah keluar *api* [elektrik]. *Pahtu* [selepas itu] dah nak *kulu-kilir* [ke hulu – ke hilir] ayah pakai kereta. Makna boleh *kulu-kilir* [ke hulu – ke hilir] tak payah naik bas dah *tekyoh* [tidak payah] nak berbaris macam dulu. Itulah lebih kurang gambaran dia, zaman budak-budak dulu kalau dibandingkan dengan pada hari ini. Sebab itulah kalau kita tengok orang dulu *ni* [ini], dia jarang *give up* [berputus asa]. Sebab dia dah biasa hidup dalam keadaan susah. Jadi maknanya, sebab itulah budak-budak hari ini, maknanya apa-apa *ayoh* [ayah]. Dulu kita *takdek* [tiada], kita dulu bergantung pada diri sendiri. Malahan, makna sebab itu orang dulu-dulu dia dengan *ayoh* [ayah] *ni* [ini] dia cukup *dengor* [dengar].` Sebab apa sebab itu orang dulu, kalau apa yang *ayoh* [ayah] beli *tu* [itu], itulah kita terima. Hari ini *dok* [tidak], hari ini kalau kita beli baju *amok* [anak] baju kuning, kita kena tanya *anok* [anak] kita dulu. Nak baju ni [ini] *dak* [tidak]? *Teknok* [Tidak mahu] kita tak payah beli. Dulu *takdek* [tiada], benda yang dia bawa balik, itulah hak kita. Itu beza dia (batuk).

Hafidzon : *Ok* [baik] kita berbalik semula kepada biodata diri Kapten (B), mungkin kita *nak* [hendak] tahu apa aktiviti yang Kapten(B) sering lakukan sekiranya mempunyai masa lapang?

Kapten : Sekarang *ni* [ini]?

Hafidzon : Mungkin kalau ada ___

Kapten : Saya ni [ini] sebenarnya dulu, *iyelah* [yalah] nak *belajo* [belajar]. Nak *belajo* [belajar] tinggi. Pada masa *tu* [itu] maknanya selepas apa *ni* [ini] *sekolah* [sekolah] dulu kita memang adalah cita-cita nak *belajo* [belajar] sampai keluar Negara lah, apalah. Sebab saya, memang hobi saya membaca. Sebab itu kalau tengok *de* [di] *ghumoh*[rumah] saya, buku saya, maknanya rak mana *tak* [tidak] kiralah buku apa-apa, memang saya minat membaca. Sebab perangai saya kalau saya membaca, selagi *tak* [tidak] habis buku *tu* [itu], saya akan baca sampai habis pukul tiga [3] pukul empat [4] pagi perangai saya suka habiskan satu [1] benda *tu* [itu] dalam saya *nak* [hendak] paham terus. Saya takkan tangguhlah, banyak tangguhlah. Saya maknanya mungkinlah saya dah berumur *ni* [ini] kuranglah sikit sebab mata pun tak tahan dah. Kalau dulu memang saya betul-betul membaca *ni* [ini] betul-betul satu [1] benda yang saya minat betullah.

Hafidzon : Lepas *tu* [itu] kita nak tanyalah juga apa minuman dan makanan kegemaran Kapten(B)?

Kapten : Ok [baik] saya minum teh teh tarik *kaw* [pekat]. Makanan saya tak begitu *fussy* [cerewet] lah. Tapi saya lebih kepada kata orang *tu* [itu] kalau macam buah, kalau makna lebih kepada buah tradisional lah. Contohnya buah ciku, sekarang ni buah ciku pun dah susah cari dah, kalau ada buah nangka. Jadi kalau makanan-makanan moden *ni* [ini] kuranglah. Jadi maknanya, kata orang *tu* [itu]. Makanan dia berubah sebenarnya dia kehidupan kita *ni* [ini] akan berubah secara tersendiri. Kalau dulu kita boleh makan *KFC* (Kentucky Fried Chicken) misalannya. Tapi bila kita dah berumur *ni* [ini] kita akan lari balik kepada asal kita. Dengan makan nasi, ada *sambe* [sambal], kena ada ikan kering. *Pahtu* [selepas itu] gulai-gulai

pun gulai-gulai tradisional. Dia dah lari dah, *taste* [citarasa] dia dah lari secara sendiri, dan tak perlulah orang *ajor* [ajar] maknanya, secara automatik dia akan beralih sendiri. Itu *reality* [kenyataan].

Hafidzon : Tadi macam, Kapten cakap hobi Kapten suka membaca. Mungkin ada buku kegemaran Kapten, yang Kapten baca sehingga ke hari *ni* [ini]?

Kapten : Saya sebenarnya, sebab dulu kaedah pembelajaran dulu tak macam hari *ni* [ini]. Dulu kita nak belajar *ugama* [agama] *ni* [ini] susah. Maknanya sebab kita dulu kita bila, bukan susah macam mana maksudnya. Dulu kalau kita sekolah *ugama* [agama] *ni* [ini], makannya *sekolah* [sekolah] yang *second class* [kelas kedua]. Dia tak macam hari *ni* [ini]. Hari *ni* [ini] kalau *sekolah* [sekolah] agama *ni* [ini] dia jadi *first class* [kelas pertama] punya sekolah [sekolah]. Jadi maknanya bila dah tua *ni* [ini], bila nak dapat mengaji pun kata orang *tu* [itu] kena betul-betul sendiri berusaha, nak *belajo* [belajar] *ugama* [agama] pun kena sendiri berusaha. Jadi bila dah berumur *ni* [ini] makna kita ada peluang sedikit kita kena *banyaklah* [banyaklah] membaca buku-buku *ugama* [agama] lah untuk kita sendiri. Dan malahan hendak mengaji pun Alhamdulillah lah, sebab dulu pun kita boleh lah mengaji sedikit sebanyak makna bila dah *ni* [ini], maknanya kita nak mengulangkaji *tu* [itu] mudahlah. Makna proses pembelajaran itu, maknanya kita lebih kepada diri sendiri lah. Disamping kita, kata orang *tu* [itu] pergi ke masjid atau pun *belajo* [belajar] betul-betul. Itulah lebih kurang gambaran dia yang sebenar, maknanya saya lebih minat membaca buku *ugama* [agama] lah. Sejarah-sejarah dalam perjuangan sebagai orang Islam, untuk membina negara Islam, dan juga Negara dan juga bangsa lah.

Hafidzon : Ada (berfikir) mungkin juga kapten minat menonton filem-filem Malaysia?

Kapten : (batuk) Hobi, satu [1]-satu [1] hobi yang masih ada dalam jiwa saya *nengok* [tengok] wayang. Itu memang hobi saya (batuk). Malahan sampai ke hari ini, kalau ada *cite-cite* [cerita-cerita] sedap, saya pergi tengok wayang lagi dengan *anok-anok* [anak-anak] saya. Tapi saya minat *cite* [cerita] *omputih* [orang putih] lah. Cerita-cerita (berfikir) bukan tak minat cerita orang Melayu. Sebab tak minat, cerita-cerita cinta *ni* [ini] saya tak minat. Saya lebih berminat cerita yang berbentuk sains fiksyen, atau pun lebih kepada cerita-cerita yang lebih kepada memberi pembelajaran. Jadi maknanya kita tengok *tu* [itu], maknanya ada sedikit sebanyak, walaupun kita *tau* [tahu] cerita *tu* [itu] *pedooh* [menipu]. Tetapi sedikit sebanyak kita boleh menggunakan (berfikir), yalah sebab *diorang* [mereka] membuat *research* [penyelidikan]. Cerita omputih [orang putih] *ni* [ini] tak macam kita *ni* [ini], dia membuat satu [1]-satu [1] filem *ni* [ini] dia berdasarkan *research* [penyelidikan] dan dia *nampok* [nampak] *real* [nyata]. Walaupun misalan contohnya kita tengok cerita *spiderman* [tajuk filem], *nampok* [Nampak] *pedooh* [menipu] tetapi dia *real* [nyata], tapi dalam pada *tu* [itu] pun dia ada juga dia punya (berfikir) kata orang *tu* [itu] dia punya motivasi dia. Contohnya dia beritahu, ok [baik] kita kena tahu bahawasanya, kita cerdik ini ataupun apa *ni* [ini], bukanlah satu [1] keistimewaan. Ini adalah satu [1] *gifted by God* [pemberian daripada Tuhan]. Maknanya kita gunakan ilmu yang kita ada, pemikiran yang kita ada cerdik *ni* [ini], makna untuk membina kata orang *tu* [itu] satu [1] benda yang baru. Sebab itu kadang-kadang, sebab itu kita kata *omputih* [orang putih] *ni* [ini] dia buat filem, dia lebih kepada membuat kajian dan juga

boleh memberi sedikit ilmu kepada kita. Walaupun cerita tu [itu] cerita *pedooh* [menipu].

Bahagian B : Pendidikan

Hafidzon : Selesailah satu [1] bab, kita dah cerita tentang tadi serba sedikit tentang latar belakang Kapten (B). Mungkin kita nak tahu pendidikan berkenaan diri kapten. Boleh saya tahu, sejak bilakah, tahun bilakah Kapten (B) mula bersekolah?

Kapten : Saya darjah satu [1] tahun Sembilan belas enam puluh lima [1965], sampai Sembilan belas tujuh puluh [1970]. Lepas itu, *form one* [tingkatan satu] [1] tahun tujuh puluh satu [1] sampai Sembilan belas tujuh puluh tiga [1971-1973]. Selepas itu *form four* [tingkatan 4] dengan *form five* [tingkatan 5], saya *remove* [perpindah] enam bulan [6 bulan]. *Lepaih tu* [selepas itu] saya *ambik* [ambil] *pekse* [peperiksaan] MCE [Malaysian Certificate of Education] pada tahun tujuh puluh enam [1976]. Dan lepas itu saya masuk sekolah pegawai kadet [Maktab Tentera Diraja], dan ditauliahkan sebagai Leftanan Muda pada empat belas [14] haribulan enam [6] tahun Sembilan belas tujuh puluh lapan [1978] di *RMC* [Royal Military Collage] lah Maktab Tentera Diraja. Masa itu, Sultan yang menyampaikan tauliah *tu* [itu] Sultan Perak Sultan Idris [Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi ibni Alang Iskandar II]. Ada *gambor* [gambar] dia lagi, masih kenangan lamalah. Itu lebih kurang gambarannya. Sebenarnya dulu, saya *ni* [ini] bukanlah kata orang berminat sangat untuk pergi ke *line* [saluran] bahagian askar ini. Tapi saya lebih minat kepada untuk menyambung belajar ke luar Negara dari segi belajar bidang

elektronik ataupun elektrik. Tapi masa *tu* [itu] kalau, yalah macam *deme* [kamu semua] tak sempat kan. Tahun tujuh puluh empat [1974] tujuh puluh tujuh [1977] tujuh puluh lapan [1978] *ni* [ini] masa *tu* [itu] kejatuhan Vietnam. Jadi bila jatuh Vietnam *ni* [ini] maknanya orang-orang Vietnam *ni* [ini] banyak jadi *illegal immigrant* [pendatang haram] ke Malaysia. Jadi masa *tu* [itu] kita [Malaysia] memerlukan askar yang ramai, dan juga pegawai-pegawai. Sebab masa *tu* [itu] saya masih ingat lagi (nada perlahan) _ _ _ . Sebab masa *tu* [itu] saya masih ingat lagi, saya punya pegawai saya bagitahu kita, *we need Malays* [kita perlukan Melayu] untuk menjaga Melayu, makna untuk memimpin Melayu. Dan kita kalau boleh biarlah Pegawai Melayu yang menjaga askar Melayu. Jadi sebab *tu* [itu] masa *tu* [itu] memang kata orang *tu* [itu] dari segi pemilihan memang majoritinya orang Melayu. Tapi memang pada masa *tu* [itu] politik ini tak kacau. Jadi maknanya atas kita *je* [saja], jadi maknanya kita nak *ambik* [ambil] orang Melayu ini masuk pegawai ke dia boleh buat tapisan itu dengan mudahlah. Dia tak macam sekarang. Sekarang *ni* [ini] banyak sangat kalau tak betul cara, tak boleh. Dulu atas pegawai *je* [saja] *ok* [baik], yang *ni* [ini] boleh masuk pegawai darat, yang *ni* [ini] boleh masuk pegawai laut, yang *ni* [ini] boleh masuk pegawai udara. Dia macam itulah, dia tak susah sangat. Sekarang ini tak boleh, dia kena balik kepada asal pemilihan itu dia (berfikir) itulah kata bila dah terlampau *ni* [ini] sangat, kita dah hilang kita punya kedaulatan bangsa Melayu itu sendiri. Itu yang berlaku pada hari ini. Salah sikit politik masuk campur, dulu *takdek* [tiada]. Sebab itu dulu, askar dulu dia berbeza dengan askar sekarang sebab politik tak masuk campur.

Hafidzon : Seperti mana yang kita tahu kan, ayah-ayah kita dulu, orang zaman dulu bila nak bersekolah tu dia banyak halangan dalam hidup dia. Mungkin kapten pernah mengalami halangan sewaktu nak mendapatkan pendidikan masa zaman kapten.

Kapten : Ha *tu* [itu] memang betul sebab dulu kita dari segi ekonomi kita tak kuat jadi maknanya kita betul-betul mengharap bantuan kerajaan. Sebab tu kita dulu kuat kepada dulu biasiswa hanya sepuluh ringgit [RM10.00] saja sebulan, ataupun lima belas ringgit [RM15.00]. Tapi bila kita, bila saya masuk ke sekolah askar jadi saya merasakan satu [1] benda baru bagi diri saya. *Ok* [baik] contohnya kalau di rumah sendiri dulu kita tidur atas tikar mengkuang. Bila kita masuk asrama dan bila kita masuk ke sekolah askar kita dapat tilam *num block*, dan bila kita dapat tilam *num block* [jenama tilam] *ni* [ini] satu [1] benda yang baru bagi kita. Jadi kita rasa nikmat lah jadi makna tiap-tiap pagi dapat *telo* [telur] duduk di kampung tak dapat. *Pahtu* [lepas itu] tiap-tiap rehat dia bagi mineral air mineral koko *tau* [tahu] *issued by government* [dikeluarkan oleh kerajaan]. *Pahtu* [lepas itu] pakaian semua, *pahtu* [lepas itu] elaun *pulak* [pula] dia bayar lima puluh ringgit [RM55.00] sebab *tulah* [itulah] dulu semangat *tu* [itu] maknanya kena *regging* [buli] sekalipun teruk macam mana pun tak lari lah. Sebab apa kita terpaksa tahan sebab apa kita rasa ini adalah satu [1] nikmat bagi kita. Kalau kita balik kampung kita tak *tau* [tahu] mana lagi. Sebab sampai hari *ni* [ini] saya tak tahu pun yuran *pscmse tu* [itu] dulu *psc ni* [ini] kena *bayo* [bayar]. Saya sampai hari *ni* [ini] saya tak tahu pun berapa yuran MCE [Malaysian Certificate of Education] saya tu sebab saya hanya tahu cikgu panggil pergi sekolah saya sains, itulah. Maknanya

kerajaan *bayo* [bayar] belaka. Ha itu beza dia sebab hari ini kita maknanya kata orang *tu* [itu] perbezaan hari ini maknanya kita lebihkan pada duit. Kalu masuk asrama penuh pun sekarang ini saya tengok, saya ada anak masuk asrama penuh. Saya tengok belanja dia begitu *beso* [besar] maknanya tak faham sebab saya dulu maknanya semua bila *skang* [sekarang] sekolah ditaja oleh kerajaan *ni* [ini] semua *free* [percuma]. Dan duit pun maknanya ayah *takyah* [tak payah] *hanto* [hantar] dah kira boleh hidup sendiri.

Hafidzon : Itu kita boleh jadikan sebagai dorongan lah?

Kapten : Pada *tu* [itu] maknanya kita bila duduk situ maknanya kita rasa satu [1] kebanggan. Jadi maknanya kita ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Jadi maknanya bukan semua orang dapat. Sebab itulah kita akan buat sebaik mungkin untuk menentukan hala tuju hidup kita. Itu beza dia dengan hari *ni* [ini]. Hari *ni* [ini] maknanya awak sekolah asrama penuh sekalipun maknanya kena juga ada duit sendiri. Dulu tak payah dah. Saya ingat lagi maknanya ayah saya hantar ke stesen *kete api* [keretapi], saya naik *kete api* [keretapi], itulah, sekali *je* [sahaja]. Lepas *tu* [itu] semua kita pandai sendiri lah sebab semua dulu waran tiket ke apa semua ditaja oleh kerajaan. Makan pun *free* [percuma], semua *free* [percuma]. *Pahtu* [lepas itu] biasiswa tiap-tiap bulan dia bagi lagi. Jadi kita cukup dengan diri kita tanpa menyusahkan mak ayah kita. Jadi mak ayah kita maknanya dia boleh *focus* [tumpu] kepada adik-adik yang lain, ha itu yang jadi. Maknanya kita dapat peluang *tu* [itu] kita korbankan diri kita untuk kepentingan keluarga yang lain ha *tu* [itu] beza dia. *Ok* [baik].

Hafidzon : *Ok* [baik] seperti mana yang kapten beritahu tadi kapten bersekolah di sekolah tentera. Kita cukup faham bermakna kalau di akademi tentera *ni* [ini] banyak jawatan yang disediakan dalam kalangan pelajar-pelajar tentera *ni* [ini], mungkin kapten pernah menyandang jawatan apa-apa?

Kapten : Dia dalam sekolah tentera *ni* [ini] dia lebih mengajar kepada kita untuk menjadi seorang pemimpin. Bukan dia mengajar kita untuk *score* [mendapat markah tinggi] dalam peperiksaan. Jadi maknanya dia beritahu kalau kita nak *score* [mendapat markah tinggi] dalam peperiksaan kita kena sekolah lain. Tetapi kalau dalam sekolah tentera *ni* [ini] dia lebih melatih kita sebagai seorang pemimpin lah. Maknanya akademik *tu* [itu] penting juga tapi maknanya selari dengan sistem pentadbiran dia maknanya melatih kita macam mana nak menjadi seorang pemimpin. Jadi itulah cara dia. Pada masa *tu* kita compete sama-sama *ni* jadi maknanya untuk mendapat jadi seorang _ _ , dia dulu kita tak panggil nak mendapat, jadi kata orang *tu* [itu] kalau bahasa sekolah biasa *ni* [ini], *prefect* [sempurna] *ni* [ini], bukanlah satu [1] kerja mudah. Jadi maknanya semua - bukan semua orang yang layak makna kepada kepada kita punya kewibawaan kita sendiri. Jadi macam *tulah* [itulah], jadi maknanya kata orang *tu* [itu] cara dia *tu* [itu].

Hafidzon : Jadi saya mungkin nak bertanya serba sedikit setiap kali kita bersekolah *ni* [ini] mungkin ada satu [1] kenangan yang mungkin kita tak dapat lupakan. Mungkin kapten boleh kongsi?

Kapten : *Ok* [baik]. Dulu kita sekolah, *ok* [baik], saya dulu ingat ya masa saya sekolah kita dulu dipanggil bulan suai kenal. Bulan suai kenal *ni* [ini] dia dirasmikan betul oleh senior education officer [guru besar] ataupun dalam bahasalah *ni* [ini] guru *beso* [besar] lah. Dia rasmikan betul. Dia ada jadual dia siap. *Ok* [baik] bulan suai kenal *ni* [ini] macam mana. Macam mana cara dia , macam mana kaedah dia. *Ok* [baik] hari *ni* [ini] kita main *ni* [ini], hari *ni* [ini] kita buat *ni* [ini]. Jadi maknanya sambil *tu* [itu] senior pun dia lebih kepada mengajar, dan dia melentur kita supaya kita tak, tak jadi - dia panggil kepala batu *tau* [tahu]. Jadi,sebab kita daripada kampung, kita diajar, kena mendidik kita bersopan dan dulu punya sistem, senior *ni* [ini] dia *protect* [melindungi] dia punya junior. Dia tidak akan ajar benda buruk. Contohnya macam hisap rokok. Contoh lah, yang mudah. Senior kita tengok ada yang hisap rokok, tetapi dia pastikan kita junior tak hisap rokok. Kalau dia bagi tahu “Kalau you nak hisap rokok, you tunggu you jadi senior.” Jadi makna kalau dia tangkap kita hisap rokok dia akan belasah kita macam nak rak. Walaupun dia sendiri hisap rokok. Itu berbezanya. Maknanya katalah kalau kita main bola ke main apa dekat luar, kita bergaduh, senior ni akan pastikan kita duduk di belakang *diorang* [mereka]. Dia *protect* [melindungi] kita *tau* [tahu]. Sebab *tu* [itu] walaupun kita kena *regging* [buli], bila kita dah berhenti sekalipun kita seronok. Maknanya bila kita jumpa senior kita, kita tidak ada sifat dendam. Sebab apa dia, di samping dia buli kita, dia mengajar kita, tetapi dia *protect* [melindungi] kita pada masa *tu* [itu]. Dia tak buli kita untuk menjahanamkan kita, sambil-sambil membimbing kita macam mana nak jadi orang. Itu beza dia.

Bahagian C : Kerjaya

Hafidzon : *Ok* [baik]. Tadi kita dah bercerita serba sedikit tentang latar belakang pendidikan kapten, mungkin saya nak pergilah kepada kerjaya kapten yang sedia, yang saya sedia maklum, kapten merupakan seorang bekas askar. Jadi saya nak bertanyalah pada soalan pertama. Apakah bidang pekerjaan yang pertama kapten ceburi selepas tamat pengajian?

Kapten : Saya dulu ditauliahkan ke dalam pasukan rejimen askar Melayu diraja bertempat di seberang takir, itu tempat r&d. Dan operasi saya yang pertama sekali, *ok* [baik] cerita pasal operasi lah. Ataupun kalau kita nak bangkit balik cerita masa saya kursus dulu saya dulu betul-betul kursus saya dulu sama dengan sultan johor sekarang, *Tengku Berahim* [Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Mahmud Iskandar Al-Haj]. Masa *tu* [itu] dia muda, *kitaorang* [kami] muda sama-sama kursus sekarang dia dah jadi sultan pun. Tapi pada masa *tu* [itu], latihan yang sama tapi dia boleh ikut, dia takde keistimewaan. Dia sama *je* [saja]. Maknanya kalau kita kena denda dia pun tetap kena denda. Tidak ada *privilege* [keistimewaan] lah dia sebagai seorang raja. Sebab *tu* [itu] dia - dia boleh terima. *Pahtu* [lepas itu] bila balik ke unit, saya operasi saya yang pertama sekali yang saya ingat, operasi - *coordinate and search* [menyelaras dan mencari] dekat Gopeng [nama tempat] , pada tahun baru cina sebab pada masa *tu* [itu] tahun tujuh puluh Sembilan [1979], balik pada *ni* [ini] kita hantar gopeng naik terbang daripada, daripada seberang takir *nuh* [sana], lapangan terbang Seberang Takir [nama tempat] *nuh* [sana], naik Charlie [pesawat tentera] masa *tu*, Charlie satu [1] tiga kosong [130] [pesawat tentera], pergi ke Ipoh [nama tempat], turun Ipoh

[nama tempat] dan terus kita buat apa *ni* [ini] *coordinate search* [menyelaras dan mencari] satu [1] bukit, maknanya pada tahun baru cina. Jadi makna kita ramai yang terlibat termasuklah *air force* [tentera udara] termasuk *artillery* [meriam] termasuklah juga _ _ _ kita kepong satu [1] bukit, dimana kita dapat maklumat mengatakan komunis *dok* [duduk] atas bukit itu.

Hafidzon : Jawatan masa tu?

Kapten : Leftenan muda. Ketua *Platun* [satu [1] unit kecil dalam ketenteraan]. Sebab dia dulu bila ditauliahkan sebagai pegawai *ni* [ini] leftenan muda lah. Dia tak macam sekarang, sekarang ada kapten, *takdek* [tiada], dulu automatik leftenan muda ditauliahkan sebagai leftenan muda. Jadi maknanya kita membuat operasi masa *tu* [itu], *coordinate and search* [menyelaras dan mencari], tapi masa *tu* [itu] ramai sangat batalion terlibat, jadi maknanya kita pun tak tahu apa *ni* [ini] kata orang *tu* [itu] kedudukan. Kita hanya bergerak mengepung bukit *tu* [itu] dan kita difahamkan dapatlah komunis dua tiga orang yang mati *pahtu* [lepas itu] dibawa keluar. Tapi satu [1] lagi yang saya ingat pada masa *tu* [itu], taktik yang digunakan oleh komunis pada masa *tu* [itu] dia, dia bila dia kena kepong, bandar Gopeng [nama tempat] *tu* [itu], masa *tu* [itu] tahun baru cina, dia main mercun *ni* [ini] sampai sepuluh [10] pagi *tau* [tahu]. Sebab apa dia nak ghaib yang atas hutan *tu* [itu] supaya boleh pergi ke bandar Gopeng [nama tempat] melalui bunyi mercun. Jadi maknanya cara dia, maknanya kita tahu bahawasanya komunis di dalam hutan satu [1] [1] *group* [kumpulan] dan komunis di bandar ada satu [1] [1] *group* [kumpulan]. Dia punya *supporters* [penyokong] ada *kat* [dekat] bandar. Itulah yang berlaku dulu sampai hari *ni* [ini].

Hafidzon : *So [jadi] anggaran pendapatan kapten pada ketika itu?*

Kapten : Masa *tu* [itu] gaji kecil. Masa *tu* second leftenan mula-mula enam ratus [RM600]. Tapi enam ratus [RM600] pada masa *tu* [itu] *beso* [besar] lah, kalau nak dibandingkan dengan cikgu. _ cikgu baru berapa ratus macam *tu* [itu], tiga ratus [300] lebih ke? Tapi second leftenan masa *tu* [itu] *umo* [umur] baru, berapa, sembilan belas dua puluh [19 – 20] tahun. *Member-member* [kawan-kawan] tengah belajar lagi. Tak tahu _ _ . Kita dah *keje* [kerja] dah, kita dah dapat gaji masa *tu* [itu], *pahtu* [lepas itu] baru lah dinaikkan gaji kepada lapan ratus setengah [RM850]. Tapi lapan ratus [RM850] *sengah* [setengah] pada masa *tu* [itu], sebab masa *tu* [itu] budak-budak ijazah hanya dapat lapan ratus lapan puluh [880] *starting* [permulaan gaji] dia. A dua puluh dua [A22] masa *tu* [itu] kan. Tapi maknanya kita second leftenan pun dah dapat lapan ratus setengah [850] pada masa *tu* [itu], gaji tentera pada masa *tu* [itu] memang tinggi lah, kalau nak dibandingkan dengan gaji-gaji penjawat awam lain, sebab apa kita memerlukan tentera *ni* [ini] untuk menjaga keselamatan, sebab itulah mungkin keistimewaan dia lebih sikit. Dan kemudahan-kemudahan pun disediakan kepada pegawai-pegawai muda pada masa *tu* [itu], makna kita – *divisyen one* [bahagian satu [1]], kita punya taraf. *Pahtu* [lepas itu] kita punya taraf rumah dan keretapi, hospital, makna kata hospital walaupun second leftenan dapat *first class* [kelas pertama], keretapi pun *first class* [kelas pertama], elaun rumah pun tiga ratus [300] lebih, tiga ratus tujuh puluh [370] kalau tak silap saya pada masa *tu* [itu]. Maknanya kira memang dapat *first divisyen* [bahagian pertama] punya *group* [kumpulan] lah. Itulah beza dia dulu. Sebab masa *tu* [itu] kita memerlukan perkhidmatan tentera

dan askar sebab orang cakap dah, kalau negara *ni* [ini] tak aman, maknanya askarnya disanjung, bila Negara dah aman *ni* [ini], askar dia mulalah orang tak berapa nak, nak pandang lah. Sebab *tu* [itu] kita tengok sekarang *ni* [ini] orang tak berapa nak sanjung askar. Kalau dulu kita masa askar *ni* [ini], cikgu kalah. Maknanya kalau mengorat *ni* [ini] askar dulu orang dulu. Itulah beza dia hari *ni* [ini].

Hafidzon : Jadi memang kapten memang bercita-cita lah untuk menjadi seorang askar?

Kapten : Saya memang minat lah askar sebenarnya tapi pada masa *tu* [itu], kata orang *tu* [itu] kadang –kadang kita hanya tahu merancang tapi tidak kesampaian, mungkin kita berhenti separuh jalanlah. Bila sampai kapten saya berhenti. Tahun lapan puluh lima [1985] saya berhenti. Saya pangkat kapten tahun lapan puluh tiga [1983]. Jadi pengalaman masa, masa muda *tu* [itu] mengajar saya. Saya kalau nak dengar cerita saya pengalaman yang dilalau saya bolehlah terang serba sedikit macam mana. Kalau cerita pasal berani saya boleh terangkan apa istilah berani yang *sebenonya* [sebenarnya], sebab masa saya buat operasi di sungai Raub [nama sebuah daerah di Pahang], pada dua puluh sembilan [29] haribulan tujuh [7] tahun tujuh puluh Sembilan [1979], dimana *report* [laporan] mengatakan di Raub [nama tempat] *ni* [ini] *takde* [tiada] *boobie trap* [sejenis bom], *boobie trap* [sejenis bom] *ni* [ini] bom lah yang ditanam dalam tanah tetapi bila kita membuat operasi kita berjumpa dengan *boobie trap* [sejenis bom] dimana saya pengalaman saya yang saya tak dapat lupa iaitu maknanya mencungkil bateri *boobie trap* [sejenis bom] kan. Masa *tu* [itu] kita muda jadi kita tak fikir sangat bila nak cungkil bateri tu tapi maknanya *yela* [yalah] ajal kita belum sampai bateri *tu* [itu],

tanah *tu* [itu] keras. Jadi bateri *tu* [itu] tak rapat. Jadi bila bateri *tu* [itu] rapat dia tak, dia tak *connect* [sambung] dan bom *tu* [itu] tak meletup. Jadi Alhamdulillah anak buah saya, baru *ni* [ini] saya jumpa baru *ni* [ini], dah berapa puluh tahun dah, dia yang tukang kerat *wire* [wayar], jadi kita dapat menyelamatkan *boobie trap* [sejenis bom] *ni* [ini] daripada kena kepada anak buah kita yang kita – dapat juga *punjis* [sejenis jerat]. *Punjis* [sejenis jerat] *ni* [ini] adalah buluh-buluh tajam yang ditanam di lereng-lereng bukit untuk mengenakan kepada askar, dan juga Vietnam spike. Vietnam spike *ni* [ini] dia tanam di tepi jalan. Makna bila bom *tu* [itu] meletup, kita akan *dash down* [meniarap]. Maknanya kita akan meniarap, kita akan melompat ke tepi, dan tepi *tu* [itu] ditunggu dengan Vietnam spike. Vietnam spike *ni* [ini], kalau nak tahu dia paku enam [6] inci *tu* [itu], atas *tu* [itu] dia buat macam pistol ikan punya *weight* [berat] *tu* [itu] kan, *pahtu* [selepas itu] dia tahan dengan, dia *taruk* [letak] atas kayu *tu* [itu], supaya bila kita pijak dia, tidak akan termasuklah. Jadi maknanya itulah cara taktik musuh yang dia buat untuk mengena kepada kita *ni* [ini]. Itu dia punya taktik.

Hafidzon : ***Ok* [baik] seperti mana yang kapten beritahu tadi banyak pengalaman yang kapten pernah alami sepanjang berkhidmat dalam bidang ketenteraan. Boleh saya tahu siapa yang memberikan galakan kepada kapten untuk terus berkhidmat dalam bidang ketenteraan?**

Kapten : Tak yang sebenarnya dulu kita lebih kepada tanggungjawab. Sebab kita jadi askar kita kena memikirkan keamanan negara. Contohnya, okay, bila pukul lima empat puluh lima [5.45] peluru pertama meletup dari atas bukit kebawah, tapi kita tak pernah fikir pun keselamatan diri kita, kita lebih kepada nak berlawan, nak

berlawan dengan musuh. Sebab kita bertekad bahawasanya negara *ni* [ini] mesti diamankan untuk anak cucu cicit kita akan datang. Jadi maknanya kita sanggup korbankan diri kita demi untuk masa depan anak-anak bangsa kita. Inilah yang kita tanamkan hari-hari. Makna kita korbankan diri kita untuk kepentingan orang lain. Saya rasa, cuba bayanglah, masa *tu* [itu] kita muda, kita masuk hutan tiga [3] bulan, keluar sekejap lepas *tu* [itu] masuk sebulan, masuk balik. Saya ingat pada tahun *tu* [itu] saya tulis dekat tempat tidur saya, hemoc, dia panggil hemoc, tempat tidur askar *ni* [ini]. Saya ingat dalam setahun *tu* [itu] saya hanya duduk di luar lebih kurang tiga [3] bulan *je* [saja]. Sembilan [9] bulan dalam hutan buat operasi. Dan saya ingat juga macam mana kata orang *tu* [itu] nak *clear* [alihkan] mayat yang telah kita tembak. Perasaan kita pada masa *tu* [itu]. Sebab *tu* [itu] bila kita cerita pasal berani *ni* [ini], takda siapa yang berani sebenarnya, sebab benda *ni* [ini] bersabit dengan mati. Jadi bila kita berhadapan bertempur *tu* [itu] kita tak pernah fikir pun kita punya diri. Kita mara *je* [saja], kita rapat sehinggalah kita dapat bunuh komunis. Jadi kita *clear* [alihkan] kan mayat komunis *tu* [itu]. Kalau nak dibandingkan dengan umur kita pada masa *tu* [itu] baru dua puluh [20] tahun. Masih lagi tengah *enjoy* [berseronok]. Tetapi dek kerana tanggungjawab kepada agama, negara dan bangsa *ni* [ini] kita tak pernah bersungut. Sebab dulu sebelum kita masuk hutan *ni* [ini] kita hanya berdiri depan cermin. Kita berdiri depan cermin sebab dalam kem *ni* [ini] kita ada cermin besar, kita akan tengok cermin daripada atas ke bawah dan kita berdoa ya Allah ya tuhanku selamatkanlah kakiku. Sebab pada masa *tu* [itu] *boobie trap* [sejenis bom] kalau kita pijak kaki

putus. Ramai kawan-kawan saya yang putus kaki. Itu yang kita mampu buat. Makna kalau kita selamat, selamatlah kita. Itu saja yang kita boleh cakap.

Hafidzon : Secara peribadinya apakah yang kapten rasa pencapaian dan sumbangan yang paling hebat sepanjang kapten berkhidmat dalam bidang ketenteraan?

Kapten : *Ok* [baik] saya secara peribadinya lah, saya seronok sebab apabila kumpulan saya dapat membunuh komunis pada yang saya sebut tarikh tadi pada dua puluh Sembilan [29] haribulan tujuh [7] tahun tujuh puluh Sembilan [1979], *group* [kumpulan] saya walaupun bukan saya yang menembak, anak-anak buah menembak, *private* [prebet] Karim [nama orang] menembak, tetapi saya ada dalam kumpulan *tu* [itu]. Dan kumpulan yang lain, satu [1] unit dengan saya juga, dapat bunuh tiga [3] orang. Saya, *group* [kumpulan] saya dapat bunuh seorang, sedangkan komunis itu adalah penolong ketua komunis Pahang [nama tempat] barat. Ini adalah satu [1] kebanggaan. Kita keluar pun kita dengan bangganya bercerita, kumpulan kita dapat bunuh komunis. Kita rasa seronok sebab kita berjaya mendapatkan, membunuh orang komunis. Kita tidak ada kata orang *tu* [itu] – sifat, maknanya kata orang *tu* [itu] letih ke takut ke tetapi kita lebih kepada kebanggaan. Makna kita seronok bila lihat kejayaan dapat bunuh komunis sebab nak bunuh komunis *ni* [ini] bukan semua orang dapat. Nak *contact* [istilah serang musuh] bukan semua orang dapat. Ini dia anggap sebagai rezeki, ha rezeki kita *tu* [itu] dapat *contact* [istilah serang musuh] dengan komunis. Bukan kita boleh minta-minta. Ini maknanya bukan semua orang dapat rasa benda *tu* [itu], bermakna bukan semua orang dapat rasa macam mana peluru meletup melalui kepala. Macam mana kita melihat. Ini bukan cerita dongeng. Maknanya contoh

macam saya buat *follow up* [jejak musuh] anjing saya nama Max [nama seekor anjing] melambung depan mata. Jadi bom betul. Anjing *tu* [itu] melambung depan mata. Jadi kita tengok sendiri. Maknanya *takde* [tiada] pun kita fikir takut ke apa, memang kita ada perasaan takut tetapi tanggungjawab kita nak menjaga keselamatan mengatasi daripada sifat takut *tu* [itu] tadi. Itulah dia beza dia. Maknanya kita taat kepada perjuangan kita tanpa memikirkan kepentingan diri peribadi. Itu yang kita tanamkan kepada kita dan juga anak buah kita.

Hafidzon: Adakah kapten pernah mendapat pengiktirafan sepanjang berkhidmat dalam bidang ni?

Kapten: Dia sebenarnya begini. Kita dulu tak pernah terfikir pun pasal apa imbuhan yang kita akan dapat. Dan kita tak pernah terfikir pun apa yang patut kita dapat. Yang pentingnya kita buat kerja kita, kita dapat gaji bulanan kita, sudah. Walaupun kalau sejarahnya, kata orang *tu* [itu] kita kumpulan kita dapat bunuh komunis ke apa, kita sebagai ketua tidak pernah menyesal dan kita tidak pernah pun minta apa-apa imbuhan daripada kerajaan. Bagi kita itu adalah tugas dan tanggungjawab kita, malahan sampai sekarang – walaupun sekarang *ni* [ini] saya dah berhenti daripada perkhidmatan dan saya memimpin Persatuan Bekas Tentera Negeri Pahang, kita hanya memperjuangkan kebajikan kepada bekas tentera, itu saja. Saya sendiri pun saya mengaku *takde* [tiada] satu [1] inci tanah pun yang dianugerahkan oleh kerajaan kepada saya dan saya tak pernah menyesal dan saya tak pernah bersungut pun. Bagi saya itu tugas saya sebagai seorang rakyat Malaysia. Saya tak perlu fikir tentang imbuhan yang patut kerajaan bagi sebab kalau saya bercerita tentang jasa kita, apa yang kita buat dulu, sebab saya

menganggapkan masa *tu* [itu] itu adalah jihad kita, maknanya perjuangan kita untuk mengamankan negara untuk *ugama* [agama], bangsa dan negara. Jadi kalau kita cerita balik, orang dulu masuk hutan berperang, kenapa kerajaan tak bagi bantuan, kenapa kerajaan tak bagi sumbangan, bermakna apa yang kita buat dulu kita ungkit semula. Jadi maknanya *apa* [setiap] pahala yang kita buat pada masa *tu* kita cerita, kita minta orang balas. Maknanya rugilah apa yang kita buat dulu *tu*, jasa yang kita *tu* [itu]. Maknanya tak berbaloilah kita korbankan diri kita semata-mata untuk mendapatkan imbuhan sekarang *ni* [ini]. Sekarang ni kita lebih kepada menjaga kebajikan bekas-bekas tentera *ni* [ini] untuk mendapat sedikit lah, ibarat macam ni lah kata orang *tu* [itu], bila seorang ayah *tu* [itu] jaga anak dia bagi anak dia *belajo* [belajar] elok-elok, susahkan diri dia, bila sampai satu [1] masa bila anak berjaya, rasanya anak ni tak kan lah lupa kepada ayah dia, jasa-jasa ayah dia, dia akan tolong balik ayah dia. Begitu juga kerajaan. Kita dulu dah korbankan diri kita masuk hutan keluar hutan dan berjaya mengamankan negara sampai komunis pun dah letak senjata tahun sembilan puluh [90] makna sekarang *ni* [ini] negara dah maju dah kaya dah aman damai, rasanya takkanlah kerajaan ni nak abaikan jasa-jasa bekas tentera *ni* [ini]. Sebab *tulah* [itulah] kerajaan sekarang *ni* [ini] mengambil berat. Maknanya dia membalas jasa la kata orang *tu* [itu]. Bukanlah kita minta sangat tapi sebagai seorang *ni* [ini], maknanya dia memikir apa salahnya jika bagi kepada bekas tentera dulu yang bersusah-payah mengamankan negara. Sebab saya ingat juga Dato' Seri Najib [Perdana Menteri Malaysia] pernah bercakap, "Keamanan negara hari ini, kita tak boleh menolak ada kelompok-kelompok manusia yang sanggup mengorbankan diri dia semata-

mata untuk meninggalkan kepada anak cucu cicit dia dalam keadaan yang aman damai". Jadi maknanya bekas tentera lah. Tentera-tentera yang dulu *ni* [ini] mengorbankan diri dia semata-mata menentukan negara aman. Sebab *tulah* [itulah] kalau anak-anak muda hari *ni* [ini] (batuk) tak sedar perkara ni, kita tengok anak muda hari *ni* [ini] terpengaruh dengan budaya-budaya yang tak berapa sihat. Maknanya kalau ajak buat – kata orang tu demonstrasi jalanan, dia pergi buat huru-hara sana huru-hara sini. Jadi kita bekas tentera *ni* [ini] berasa sensitif, rasa sedih. Sebab dulu kita bersusah-payah nak bagi negara *ni* [ini] aman *deme* [mereka] hari ni nak *memunahkan* [menghancurkan] kerajaan, nak *memunahkan* [menghancurkan]. Politik satu [1] bab yang lain tapi jangan *memunahkan* [menghancurkan]. Itu yang kita beritahu. Kita beritahu jangan *memunahkan* [menghancurkan], sebab bila kita *memunahkan* [menghancurkan] ni makna kita menolak jasa-jasa orang dulu, makna kita tak mengenang budi kepada orang dulu. Apa salahnya kita membuat perjuangan kita nak main politik ke nak main tuntutan ke, buat secara aman. *Takyah* [tak perlu] lah nak kata orang *tu* [itu] menyusahkan orang lain. Itulah yang saya boleh beritahu sebagai orang lama. *Ok* [baik].

Hafidzon: *Ok* [baik]. Tadi banyak *dah* [sudah] kapten berkongsi berkenaan dengan pengalaman kapten tapi secara umum. Jadi saya nak bertanya secara *specific* [khusus] pada umur berapakah kapten dilantik sebagai seorang kapten?

Kapten: *Ok* [baik]. Saya dilantik sebagai seorang kapten pada umur tak silap saya umur saya pada masa tu dalam dua puluh empat tahun [24] lah. Nak masuk dua puluh

empat tahun [24] saya dapat jadi kapten. Dimana saya kira muda jugalah pangkat kapten *ni* [ini].

Hafidzon: **Jadi macam mana boleh dilantik sebagai kapten *tu* [itu]?**

Kapten: Sebab saya pada masa *tu*, apabila dia syarat dia pada masa *tu* maknanya apabila setelah empat [4] tahun enam [6] bulan dan kita lulus *periksa* [peperiksaan], leftenan ke kapten, dia bila kita layak dan kita dibagi jawatan kapten lah. Makna kita kena melalui peperiksaan lah. Makna kita kena lulus periksa *ni* [ini] barulah ada jawatan kosong dan dia bagi kita pangkat itulah. Maknanya saya masuk kira awal jugalah pangkat kapten. Tapi kata orang *tu* [itu] tak kesampaian. Makna nak berhenti awal.

Hafidzon: **Jadi *kat* [di] mana *tu* [kah] dilantik sebagai kapten? Dekat negeri mana?**

Kapten: Saya masa *tu* di Kelantan. Sebab saya masa *tu* membuat Pegawai Tulus Tiga Risik, Markas Briget Kota Bharu, Pengkalan Chepa [nama tempat]. Masa *tu* [itu] saya pangkat kaptenlah. Sebab masa *tu* [itu] Pegawai Tulus Tiga Risik *ni* [ini] menjaga keselamatan untuk Terengganu dan juga Kelantan. Masa *tu* [itu] saya pangkat kapten.

Hafidzon: **Jadi peranan sebagai seorang kapten *tu* [itu] apa sebenarnya dalam bidang tentera?**

Kapten: Dia lebih, sebelum *ni* [ini] kita lebih banyak kepada terlibat dalam gerakan bila kita pangkat kapten kita lebih kepada pentadbiran sebab kapten *ni* [ini] kira jawatan yang dah senior juga lah. Jadi kita lebih kepada pentadbiran dan lebih

kepada merancang macam mana nak menggerakkan. Kalau kita buat operasi kita menyampaikan maklumat yang betul supaya operasi itu dapat dijalankan dengan lancar dan nak berjaya lah. Sebab tu tugas saya pada masa *tu* [itu] Pegawai Tulus Risik. Jadi maklumat perisikan tu mesti disampaikan kepada unit-unit yang terlibat dengan operasi *tu* [itu], betul dan kemas supaya mengelakkan kemalangan jiwa kepada pasukan keselamatan dan berjaya untuk mendapat apa ni kata orang *tu* [itu] – komunis lah.

Hafidzon: **Jadi secara peribadi adakah sukar menjadi seorang kapten *ni* [ini] dalam ketenteraan?**

Kapten: Sebenarnya dia, dia sebenarnya benda *ni* [ini] saya jawab beginilah. Dia atas minat kita lah. Kalau kita bersikap secara positif dan kita menganggap itu adalah satu [1] jawatan yang kita perlu sandang untuk menentukan keamanan negara, kita terima jawatan tu dengan cara bertanggungjawab. Kalau kita menganggap kerja pegawai tentera *ni* [ini] hanyalah sebagai kata orang *tu* [itu], *takde* [tiada] *keje* [kerja] lain dah masuk askar, kita akan buat lah kerja yang sambil lewa. Itu saja.

Hafidzon: **Proses pemilihan kapten *tu* [itu] secara peribadinya kapten rasa sukar tak untuk lepasi ujian tersebut?**

Kapten: Dia nak kata sukar sangat *tu* [itu] tidaklah. Walau macam mana pun dia adalah kelayakan dia yang sepatutnya. Maknanya bukanlah kata orang *tu* [itu], pertama [1] sekali kita kena lulus periksa dan yang kedua [ke-2] ada kekosongan dan juga pengalaman kita diambil kira dari segi cara kita mengolahkannya sesuatu benda *tu*

[itu], kata orang *tu* [itu] kematangan kita pun diambil kira, semua *tulah* [itulah]. Maknanya bukanlah kata orang *tu* [itu] bila kita layak *pahtu* [selepas itu] kita terus *dibagi* [dilantik], tidak. Dia tengok *juga* [juga] kita punya prestasi kerja kita pada pun diambil kira. Kalau dia lihat prestasi kita bagus dan kita mampu untuk pangkat kapten barulah dia boleh bagi kapten.

Hafidzon: **Jadi melalui sedikit kajian yang kami lakukan adakah benar tragedi di Sungai Lui, Raub, adalah bukti sejarah berkenaan dengan kehebatan askar Melayu dalam menentang penganas komunis di Malaysia?**

Kapten: Dia macam *ni* [ini]. Rejimen Askar Melayu Diraja *ni* [ini] adalah satu [1] rejimen yang ditubuh khas. Kalau kita tengok dalam wasiat diraja pun dia ada tulis disitu. Tujuh wasiat raja-raja *tu* [itu] kita tubuhkan askar Melayu untuk menjaga keselamatan rakyat. Jadi askar Melayu *ni* [ini] dia memang dia punya motto dipanggil taat setia. Sebab itulah dipanggil Rejimen Askar Melayu Diraja. Maknanya dalam bahasa dia *ni* [ini] askar raja lah. Tapi *taklah* [tidak lah] diwartakan sebagai askar raja, tak. Tapi sedikit sebanyak *tu* [itu] dia menjaga rakyat. Jadi sebab *tu* [itu] lah kita tengok kalau dulu *ni* [ini] sebut *ja* [saja] askar Melayu *ni* [ini] memang kerja dia masuk hutan keluar hutan, masuk hutan keluar hutan, nak berperang dan nak menghabiskan komunis. Sebab *tulah* [itulah] maknanya askar Melayu *ni* [ini] dilatih untuk berperanglah. Makna dia kurang lah kata orang *tu* [itu] bab-bab kata orang *tu* [itu] benda lain *ni* [ini] kan. Jadi dia lebih kepada pasukan bertempur lah kata orang *tu* [itu]. Dia *infantry infantry* [tentera]. Maknanya dia lebih kepada – *yelah* [yalah] masuk hutan keluar

hutanlah. Perang dengan komunis *ni* [ini]. Itu *jelah* [sajalah] kerja dia. Benda lain *takda* [tiada]. Pentadbiran sikit-sikit *ja* [saja].

Hafidzon: Jadi pengalaman manis dan pahit sepanjang menjadi tentera *tu* [itu].

Kapten: Saya sebenarnya sebagai seorang bekas tentera lah, saya nak terang macam *ni* [ini] lah. Saya belajar banyak *tau* [tahu]. Walaupun saya berkhidmat tak lama tapi saya melalui satu [1] proses pada masa *tu* [itu], contohnya macam lapar. Cerita pasal lapar __ saya di Sibu [nama tempat], Sarawak pada masa *tu* [itu] saya __ sebab *heli* [helikopter] tak boleh hantar. Dia manusia *ni* [ini] rupanya, masa *tu* [itu] __ walaupun kata orang *tu* [itu] saya pun lapar juga, tapi oleh kerana seorang pegawai saya tak boleh tunjukkan yang saya lapar. Jadi saya menjaga anak buah saya. Manusia *ni* [ini] selepas empat [4] hari atau lima [5] hari tak makan dia badan dia akan automatik demam. Dia sebab apa dia tak cukup gula dalam tubuh badan dia dan makanan *takda* [tiada] hanya minum air saja, dia automatik demam. Dan bila kita demam *tu* [itu] badan kita akan jadi sejuk dan kita pun kita punya daya tahan *tu* [itu] maknanya kita lebih kepada semangat *jelah* [sajalah]. Bukan lagi lebih kepada *kederat* [kudrat]. *Kederat* [kudrat] kita memang dah kurang. Tetapi semangat kita, sebab *tulah* [itulah] kita kata '*don't let your body control your mind, let your mind control your body*' [berbahasa inggeris]. Maknanya pemikiran kita mengawal tubuh badan kita. Barulah kita boleh mengatasi masalah *tu* [itu]. Sepuluh hari *ni* [ini] bukan masa sekejap *tau* [tahu]. Makan ubat *bayah* [sejenis pokok hutan] *tau* [tahu]. Bila terbang pokok *bayah* [sejenis pokok hutan] bersorak. Jadi bayangkan kita nak mengawal anggota-anggota tentera yang tengah lapar. Itu melatih seorang pegawai supaya boleh kawal orang dalam keadaan yang

begitu *kritikal* [ketara]. Kita masih lagi boleh member arahan. Anak-anak buah kita taat kepada kita dan dia masih lagi dengar cakap kita. Cuba bayangkan adakah benda *ni* [ini] boleh berlaku sekarang *ni* [ini]. Itu beza dia. Maknanya bayanglah kita sama-sama lapar tapi kita masih lagi suruh dia, okay malam *ni* [ini], orang *ni* [ini] guide sini, kita boleh buat kerja *tu* [itu] tanpa mengabaikan tanggungjawab dan malahan suruh angkat barang apa semua di masih lagi buat. Ini satu [1] benda yang saya tak dapat nak terang pada hari *ni* [ini]. Macam mana ketaatan askar pada masa *tu* [itu]. Askar Melayu. Sebab *tu* [itu] bila saya berhenti pun sampai hari *ni* [ini] saya boleh baca, dia *ni* [ini] askar Melayu, dia *ni* [ini] unit *ni* [ini]. Jadi kita boleh tahu sebab askar Melayu *ni* [ini] dilatih taat. Dia memang sampai dia berhenti pun dia tetap taat dengan dia punya kepimpinan dia negara dia agama dia. Makna memang dia dilatih macam *tulah* [itulah]. Itu yang boleh saya beritahu.

Hafidzon: Sebut pasal ketaatan tadi kita akan sambung dalam bab satu [1] lagi lah. Saya nak terlupa nak bertanya kapten sepanjang kapten berkhidmat dalam tentera adakah kapten pernah mengalami sebarang kecederaan sepanjang mengawal keamanan negara *ni* [ini]?

Kapten: *Takda* [tiada]. Yang *tu* [itu] *takda* [tiada]. Maknanya keadaan, itu yang saya kata tadi *tu* [itu], masa saya *clear* [musnahkan] *boobie trap* [sejenis bom] *tu* [itu], maknanya Allah masih lagi sayang kepada saya, maknanya jadi tanah *tu* [itu] keras *tau* [tahu] jadi bateri *tu* [itu] tak rapat, jadi kalau bateri *tu* [itu] rapat terbanglah - kan. Tapi maknanya peluh jantan *tu* [itu] keluar la. Masa cungkil bateri usah ceritala, demi orang muda kalau cerita pasal berani *jenih* [jenis]

cungkil bateri *tau* [tahu], bateri bom *tau* [tahu], bukannya main-main *tau* [tahu]. Maknanya kita cungkil *tu* [itu] betul-betul punya *ni* [ini]. Makna kalau saya silap meletup. Bukanlah dalam wayang *tu* [itu] main kerat wayar menitik __ __. Ini kita cungkil bateri yang betul-betul. Makna, salah, meletup, mati. Bukanlah kata orang *tu* [itu] main. Serupa lah bila komunis tembak, kita *dok* [duduk] bawah *diorang* [mereka] *dok* [duduk] atas. Peluru *tu* [itu] kalau kena mati punya. Bukanlah kata orang *tu* [itu] kalau ibarat pada masa *tu* [itu] kalau boleh masuk kepala dalam tanah, masuk kepala dalam tanah. Tapi dek kerana kita ada senjata kita tembak balik dia naik balik semangat. Bukanlah kata orang *tu* [itu] seronok punya cerita lah. Tetapi kata orang *tu* [itu] Allah bersama kita lah masih lagi memelihara. Itu kira nasib sebenarnya. Dia baik kena bom ke, kena *boobie trap* [sejenis bom] ke, putus kaki ke, ini kira masing-masing punya nasib lah tercatit kan. Maknanya sekian-sekian masa kena, kita Alhamdulillah terlepas benda-benda *tulah* [itulah].

Hafidzon: Adakah kapten masih lagi merindui kerjaya sebagai seorang tentera?

Kapten: Saya sebenarnya selepas saya menamatkan perkhidmatan dan sekarang *ni* [ini] saya terlibat dengan Persatuan Bekas Tentera dan memimpin Persatuan Bekas Tentera Negeri Pahang sebenarnya saya seronok. Sebab apa saya memimpin satu [1] kelompok yang terpilih. Sebab bukan semua orang layak jadi askar *ni* [ini]. Sebab dia hanya orang-orang yang melepasi satu [1] pemilihan contohnya dari segi kecacatan tubuh badan dia *pahtu* [selepas itu] minat dia *pahtu* [selepas itu] dia beri *training* [latihan] dan melepasi satu [1] ujian yang getir barulah layak dia sebagai seorang tentera. Sebab itulah maknanya bekas tentera *ni* [ini], tentera adalah satu [1] kelompok yang terpilih yang telah ditetapkan oleh Allah,

maknanya orang *ni* [ini] layak untuk jadi pahlawan negara. Jadi makna sebab *tu* [itu] saya cakap kepada bekas tentera kamu kena bangga sebab kamu menjadi warga tentera. Sebab bukan semua orang boleh dapat jadi askar. Kita kena berbangga dengan diri kita bukan kita nak tunjuk riak kita, tetapi kita nak kena tunjuk satu [1] sikap yang kita *ni* [ini] pernah mengorbankan diri kita semata-mata untuk keamanan negara. Itulah yang saya boleh beritahu.

Hafidzon: **Jadi sepanjang berkhidmat *tu* [itu] mungkin lah kapten pernah menerima anugerah daripada mungkin sultan Pahang, yang dipertuan agong. Boleh Kapten (B) berkongsi sedikit?**

Kapten: Takda. Pada masa *tu* [itu] memang kita takda. Kita tak perkara pun. Maknanya kata orang *tu* [itu] pingat ke apa ke *takda* [tiada]. Saya dapat pingat pun selepas saya berhenti sebab saya terlibat dalam persatuan jadi maknanya dia bagi contohnya macam Pingat Khidmat Cemerlang [PKC] daripada sultan Pahang, *AMP* [Ahli Mangku Pahang] daripada sultan Pahang dan juga *AMN* [Ahli Mangku Negara] daripada agong, ini sebab kita diluar, kita berkhidmat di luar. Makna kita dah berhenti dah. Sebab pada masa *tu* [itu] kita tak perkara pun. Tak perkara ke pingat-pingat pun. Saya ingat lagi anak buah saya yang tembak komunis yang sorang *tu* [itu] nama dia prebet *Awang* [nama orang] yang sorang *tu* [itu] *Rani* [nama orang]. *Rani* [nama orang] tembak sorang mati sorang komunis. *Awang* [nama orang] *ni* [ini] tembak dua orang. Dia hanya dapat cuti tanpa rekod sebulan *ja* [sahaja]. *Takde* [Tiada] pun pingat dapat. *Diorang* [mereka] tak bersungut pun sampai hari *ni* [ini]. Jadi itulah maknanya kita *takda* [tiada] fikir sangat benda *ni* [ini]. Jadi makna kita tak letakkanlah pingat *ni* [ini] sebagai

penghargaan kita, *takda* [tiada]. Kita buat kerja kita, habis, habislah. Itu *jela* [sahajalah].

Bahagian D : Politik

Hafidzon : Seperti yang saya sedia maklum, Kapten (B) juga aktif dalam bidang politik. Dalam pemilihan jawatan kuasa UMNO [United Malays National Organisation] bahagian Lipis [Kuala Lipis] Kapten (B) juga telah berjaya menjadi AJK[Ahli Jawatan Kuasa] bahagian untuk satu [1] [1] penggal lagi. Jadi, boleh saya bertanya apakah yang mendorong Kapten (B) menceburi bidang politik ini?

Kapten : *Ok* [baik] sebab saya sebagai seorang bekas tentera, jadi kita punya motto 'sentiasa berjuang'. Jadi kita suka tak suka, bila kita berhenti pun kita kena berjuang. Sama ada dari segi, untuk cari makan dan juga untuk agama bangsa dan Negara. Kenapa saya terlibat dalam politik? Dalam UMNO [United Malays National Organisation] contohnya. Saya tahu parti UMNO [United Malays National Organisation] *ni* [ini] adalah parti yang ditubuhkan untuk membela *ugama* [agama], bangsa dan Negara. Tapi kita tidak tulis disitu *ugama* [agama] sebab UMNO [United Malays National Organisation] sebab kita nak mengaburi masa penubuhan UMNO [United Malays National Organisation] ini, untuk kita masa kita nak merdeka dulu. Kalau kita *mintok* [minta] kita kata kita nak memperjuangkan negara Islam apa semua, saya kata British tak bagi. Jadi kita ubah benda *tu* [itu] maknanya nampak macam kita nak bela orang Melayu, tetapi kita kena faham. Bahawasanya bila sebut *je* [saja] orang Melayu di Malaysia *ni*

[ini], ninety nine point nine percent [99.9%] pada masa dahulu adalah orang Islam. Jadi kita *taruklah* [letaklah] orang Melayu ke depan. Jadi bila kita taruk orang Melayu ke depan *ni* [ini] makna menunjukkan bahawasanya kita memperjuangkan Islam tetapi bukanlah orang selalu cakap Asabiyah [fanatik kepada bangsa] ataupun bangsa bukan. Sebab bila kita cakap Melayu, Melayu itu Islam. Melayu dan Islam ini tak boleh dipisahkan. Jadi kalau kita cakap kita nak memperjuangkan Islam *confirm* [pasti] British tak bagikan kepada *kita* [Tanah Melayu]. Jadi makna kita main satu [1] taktik dan teknik. Sebab itu bila saya berhenti dan saya masuk dalam UMNO [United Malays National Organisation], memperjuangkan UMNO [United Malays National Organisation] ini, semata-mata saya nak letakkan supaya UMNO [United Malays National Organisation] ini kuat dan *ugama* [agama] Islam itu akan jadi automatik akan jadi kuat. Jadi masalah remeh-temeh, berlaku kesilapan itu bukan salah parti. Itulah adalah salah ahli, yang kita tengok hari ini orang kata UMNO [United Malays National Organisation] tak betul. Tetapi orang yang dalam parti itu tak bagus. Contoh macam dalam askarlah, askar ini bagus tetapi kita tak boleh nak kata askar *ni* [ini] tak bagus. Tetapi orang yang jadi askar itu tak bagus, makna orang individu. Serupa juga dalam parti politik UMNO [United Malays National Organisation], politik dasar politik UMNO [United Malays National Organisation] ini bagus, dia punya perlembagaan bagus. Tetapi orang yang dalam UMNO [United Malays National Organisation] itu yang tak betul, maknanya orang itu salah bukan parti itu yang salah.

Hafidzon : Itu kita akan bercerita kemudianlah ya. Boleh saya tahu sejak tahun bila Kapten menceburi bidang politik ini?

Kapten : Saya dulu sebenarnya, saya menjadi ahli UMNO [United Malays National Organisation] ini pada selepas __ sebab masa dalam tentera kita dulu memang tidak digalakkan masuk politik. Sebab apa demi untuk menjaga keharmonian tentera itu sendiri. Sebab kita *taknok* [tidak mahu] *berpuok* [berpuak]. Jadi kalau kita main politik *kang* [nanti] ada *puok* [puak] ini, ada puok [puak] ini jadi tak boleh. Bila kita berhenti, saya masuk UMNO [United Malays National Organisation] ini pada tahun lapan puluh tujuh [1987] tak silap saya. Selepas pengharaman UMNO [United Malays National Organisation] masa *tu* [itu] tertubuhnya UMNO [United Malays National Organisation] baru, di Pulau Nangka, Kota Bharu sebagai ahli UMNO [United Malays National Organisation]. Sebab itu kalau tengok *number* [nombor] saya, *number* [nombor] saya senior. Saya lima ratus ribu [500,000] lebih, *number* [nombor] ahli saya dalam UMNO [United Malays National Organisation]. Jadi maknanya __ *pahtu* [selepas itu] bila saya balik ke Pahang tahun Sembilan puluh [1990], saya tak terlibat sepenuhnya. Tetapi saya mula terlibat balik pada tahun Sembilan puluh lima [1995]. Apabila perpecahan berlaku, penubuhan empat puluh enam [Semangat 46] jadi saya terlibat, saya membantu UMNO [United Malays National Organisation] untuk terus berjuang. Jadi sebab saya melihat hanya satu [1]-satu [1]nya parti untuk membantu orang *ugama* [agama] Islam dan juga orang Melayu *ni* [ini] adalah UMNO [United Malays National Organisation]. Sebab itu saya terlibat dalam politik UMNO [United Malays National Organisation].

Hafidzon : Secara peribadinya, apakah sumbangan yang terbesar sepanjang Kapten(B) bergiat aktif dalam bidang politik ini?

Kapten : Saya dalam politik *ni* [ini] tidaklah hebat mana, saya lebih menyedarkan. Makna kalau saya dibagi peluang bercakap didepan orang-orang muda ataupun dalam perjuangan parti sekali. Saya lebih menerangkan keikhlasan kita berjuang. Sebab kita apabila kita memegang sesuatu jawatan dalam politik, dalam tak kira apa jua kita kena anggap bahawasanya itu adalah satu [1] amanah. Bukannya kita nak jadi *glamor* [popular]. Kalau kita nak jadi *glamor* [popular], kita boleh juga masuk politik, kalau kita berkepentingan kita boleh masuk juga, maknanya kita akan dapat kepentinganlah. Tapi kalau kita menganggap jawatan yang kita sandang itu sebagai satu [1] amanah daripada Allah, makna kita akan jaga jawatan itu sebaik mungkin. Maknanya kita anggapkan ini adalah satu [1] anugerah daripada Allah, bukannya suka-suka. Kalau kita anggapkan kita nak cari peluang, kita ingat balik sejarah Rasulullah s.a.w masa mana Rasulullah s.a.w berhijrah dari Mekah ke Madinah. Kan Rasulullah s.a.w pesan, kalau kamu berhijrah bersama saya kerana *ugama* [agama], kerana harta, kerana nak cari isteri ataupun benda lain, kamu akan dapat. Tapi kalau kamu berhijrah *ni* [ini] kerana *ugama* [agama], InsyaAllah kamu akan mendapat Islam, kamu akan dapat *ugama* [agama], kamu akan dapat pahala dalam, dalam penghijrahan kamu. Begitu juga dalam politik, bila kita masuk politik UMNO [United Malays National Organisation] kita bertekad, kita berniat bahawasanya kita akan memperjuangkan UMNO [United Malays National Organisation] *tu* [itu] sendiri. Demi *ugama* [agama] dan bangsa kita akan dapat benda *tu* [itu]. Dan kita pun, jawatan kita sandang pun kita akan buat sebaik

mungkin. Sebab kita tidak memikirkan kepentingan peribadi. Sebab itulah saya bertanding dalam UMNO [United Malays National Organisation] *ni* [ini], saya tidak akan menggunakan duit. Sebab (tarik nafas) bila kita dapat jawatan itu dengan merasuah orang lain. Jadi jawatan itu maknanya (berfikir) kita dapat satu [1] jawatan yang menggunakan duit untuk mendapat jawatan. Jadi makna keberkatan memegang jawatan itu *takdek* [tiada]. Jadi makna kita tahu, makna kalau kita berjuang secara ikhlas sebab yang menentu menang kalah kita bukan manusia, kita kena tau situ. Betul kita kata, kita bagi duit dekat orang dan kita suruh orang itu undi kita. Tetapi sampai masanya, sebab kita kena tahu bahawasanya yang menggerakkan hati manusia ini adalah Allah. Kalau sampai masanya Allah kata, mu [kamu] undi orang *ni* [ini], dalam masa sekelip mata *tu* [itu] kita akan *berubah* [berubah]. Jadi *aok* [awak] *toksoh* [tak payah] bagilah duit. Jadi duit hanya kata orang *tu* [itu] imbuhan yang luaran. Tetapi perjuangan yang sebenarnya kita kena yakin dan percaya bahawasanya yang menggerakkan hati manusia untuk mengundi kita bukannya duit, tapi Allah lebih berkuasa. Itu saya percaya.

Hafidzon : **Tadi Kapten menyebut ya, dasar parti itu cantik dan elok. Tapi orang yang dalam politik itu yang mengotorkan bidang politik ini. Jadi boleh saya bertanya pendapat Kapten (B) berkenaan dengan dunia politik di Negara kita yang agak kurang stabil bagi saya?**

Kapten : Dia manusia *ni* [ini] senang *je* [saja] kita main politik ini kita kadang lebih kepada persepsi. Dia manusia *ni* [ini] mudah *je* [saja], contoh macam kitalah. Kita berjalan, *ok* [baik] *deme* [kamu semua] duduk di Jerantut, *deme* [kamu semua]

nak lalu jalan *tu* [itu]. Kalau orang tua *duk* [asyik] bercerita jalan *tu* [itu] ada hantu, mula *deme* [kamu semua] tak percaya pun. Tapi kalau dia bercerita hari-hari situ ada hantu, ada hantu akhirnya *deme* [kamu semua] akan percaya. Dan bila *deme* [kamu semua] nak lalu jalan *tu* [itu], *deme* [kamu semua] akan takut ingatkan ada hantu. Serupa juga dalam politik, kalau dah cerita tak betul, tak betul! tak betul! ini tak betul, itu tak betul lama-lama manusia *ni* [ini] dia akan masuk dalam kepala dia. Tak betul! Tak betul! Tak betul! Lama dia secara automatik, dia akan *program* [tetapkan] dalam kepala dia ini tak betul. Begitulah yang berlaku dalam UMNO [United Malays National Organisation] hari ini. Sebab orang melabelkan bahawasanya UMNO [United Malays National Organisation] itu tak bagus, dia tak melabelkan orang UMNO [United Malays National Organisation] itu tak bagus. Dia melabelkan UMNO [United Malays National Organisation], sebab apa yang buat perangai *ni* [ini] ahli UMNO [United Malays National Organisation]. Bila dia kata UMNO [United Malays National Organisation] gini-gini [begitu-begini], jadi budak muda ke orang biasa pun dia baca, dia *dengor* [dengar], dia *dengor* [dengar] hari-hari *dengor* [dengar], lama-lama dia percaya, betullah. Jadi inilah masalah yang timbul hari ini.

Hafidzon: **Jadi Kapten(B), adakah Kapten(B) berasa parti UMNO [United Malays National Organisation] masih berada diprinsip yang asal atau sudah ke arah yang lain?**

Kapten : Dia sebenarnya parti itu tak berubah. Dasar perjuangan dia tak berubah. Tetapi kita (berfikir) kita manusia yang merubah dia. Dasar dia, perjuangan dia bagus. Jadi kadang-kadang kita lari dari dasar perjuangan kita *tu* [itu] sendiri. Sebab itu

orang susah nak terima. Tetapi kalau dulu, kenapa orang dulu sanggup lurut [gadai] barang emas nak memperjuangkan UMNO [United Malays National Organisation], nak memerdekakan negara. Parti UMNO [United Malays National Organisation], kenapa *diorang* [mereka] sanggup lurut? Sebab dasar perjuangan orang-orang dulu dia ikhlas. Dia *takdek* [tidak ada] memikirkan kepentingan peribadi. Tapi bila kita memikirkan kepentingan peribadi orang meluat. Sebab orang lama sekarang ni, dia dah rasa jauh hati. Jadi orang muda melihat benda ini dia tak minat. Dia meluat (batuk), sebab itu kita hari ini tengok. Sebab orang muda tak minat dalam parti politik UMNO [United Malays National Organisation]. Sebab dia melihat gelagat orang UMNO [United Malays National Organisation] itu sendiri. Itu sahaja.

Hafidzon : Seperti mana yang Kapten (B) cakap tadi bagi saya secara peribadi, orang veteran banyak yang menjauhkan diri dari memperjuangkan dasar parti, kerana gelagat orang muda ini yang lebih kepada politik wang. Pada pendapat Kapten (B) bagaimana nak mengatasi masalah ini dalam UMNO [United Malays National Organisation] itu sendiri?

Kapten : Dia sebenarnya dalam UMNO [United Malays National Organisation] dia kena lebih keinsafan. Dia masuk UMNO [United Malays National Organisation] itu nawaitu [niat] kena betul, niat dia kena betul. Jadi bila kita letakkan niat kita betul, sebab Allah dah beritahu. Awal mula pertama mula setiap gerak-geri kita bermula dengan niat. Kalau niat kita betul, InsyaAllah kita akan buat betul. Kalau niat kita tak betul daripada awal lagi, tetap akan tak betul. Yang berlaku hari ini, orang mencari kesempatan. Sebab dalam politik UMNO [United Malays

National Organisation] ini kita tengok, kelompok yang betul-betul memperjuangkan satu [1] kelompok. Kelompok yang mencari kesempatan pun ada satu [1] kelompok. Lepas *tu* [itu] kelompok yang semata-mata, kata orang *tu* [itu] nak mencari (berfikir) glamor [popular] ke apa ke tak kiralah apa *term* [istilah] yang dia panggil yang mana memecahbelahkan satu [1] kelompok. Sebab itu kita tengok hari ini, yang memperjuangkan UMNO [United Malays National Organisation] ini atas dasar keikhlasan dia *takdek* [tidak ada] fikir mende-mende [apa-apa] pun. *Takdek* apa pun yang dia dapat, tetapi dia sanggup berjuang. Tetapi yang mencari peluang, dia masuk UMNO [United Malays National Organisation] sambil-sambil *tu* [itu] dia mencari peluang. Sebab itu kita tengok hari ini, bila masuk UMNO [United Malays National Organisation] dia tak dapat mende-mende [apa-apa] dia akan melenting, dia akan menentang balik. Sebab apa, dia niat daripada awal salah. Itu sahaja saya boleh bagi tahu.

Hafidzon : **Jadi sepertimana yang kita tengok (batuk) setiap kali berlakunya musim pilihanraya, berlaku satu [1] provokasi terlampau diantara parti lawan dengan parti bertanding. Jadi saya nak tanya adakah Kapten (B) pernah mengalami sebarang ancaman atas provokasi tersebut?**

Kapten : *ok* [baik] dia macam *ni* [ini] mudah jelah [sahajalah] ceritanya. Kita tahu bahawasanya, saya selalu cakap. Orang Melayu hari ini kena terima kasih kepada UMNO [United Malays National Organisation]. Sebab apa UMNO [United Malays National Organisation] ini banyak memperjuangkan untuk orang Melayu, ataupun orang Islam ini sendiri. Saya rasa kalau UMNO [United Malays National Organisation] tak memerintah pada hari ini, kita orang Melayu tak kemana. Ini

tengok UiTM [Universiti Teknologi Mara] lah, biasiswalah, macam-macam kita dapat. Macam kita cerita tadilah, maknanya kalau kita *ni* [ini] ayah kita *ni* [ini] orang kampung. Kita tak bolehlah bila kita dah *belajor* [belajar] tinggi kita menidakkan kemampuan *ayoh* [ayah] kita. Hari ini yang berlaku kita menyalahkan UMNO [United Malays National Organisation]. Sebab apa? Sebab kita rasa kita dah hebat. Dan kita lupa bahawasanya kita duduk situ sebab UMNO [United Malays National Organisation] *tu* [itu] memperjuangkan hak kita dulu. Contohnya macam pensyarah hari ini, kenapa dia jadi pensyarah? Bukan sebab dia cerdik sangat pun, dia hanya cerdik sikit *pada* [daripada] orang lain *je* [saja]. Tetapi sebab UMNO [United Malays National Organisation] menantapkan, nak jadi pensyarah di sini orang Melayu. Sebab itu orang Melayu dapat jadi pensyarah. Kalau nak pakai merit betul hari ini, saya rasa tak lepas. Saya pernah cakap ke *anak* [anak] saya, *anak* [anak] saya masuk *matrik* [Kolej Matrikulasi] Gambang, pada masa itu. Roommate [rakan sebilik] dia budak cina. Anak saya *ni* [ini] dia budak *pure science* [sains tulen], tapi dia tak tinggi mana, tetapi dia dapat *matrik* [Kolej Matrikulasi]. Dia tanya saya, *papa* [ayah] anak cina *tu* [itu] dapat dua belas A [12 A] tak silap saya. Hebat betul, itu saya cakap mudah *je* [saja], sebab nama awak *tu* [itu] Nurul [nama]. Sebab itu awak dapat masuk sini. Sebab *mim alif ya wau* [huruf jawi]. Sebab itu awak kena faham bahawasanya inilah dasar UMNO [United Malays National Organisation] memperjuangkan selama ini. Tetapi orang salahkan sekarang ini, UMNO [United Malays National Organisation] ini sebab dia ingat UMNO [United Malays National Organisation] ini kerajaan. UMNO [United Malays National Organisation] ini merupakan satu

[1] [1] parti yang memperjuangkan *ugama* [agama] , bangsa dan Negara. Sebab orang baca sekarang *ni* [ini] bila orang kerajaan buat perangai *je* [saja] dia tuduh UMNO [United Malays National Organisation]. Padahalnya itu orang kerajaan, bukannya orang politik. Dasar *ni* [ini] yang dibuat oleh UMNO [United Malays National Organisation] *ni* [ini] untuk kebaikan kita, itu *je* [saja] yang betulnya. Kalau dasar ini tak betul kita tak merasalah, *toksah* [tak payah] ceritalah. Kalau kita pakai merit, hari ini kita *kaloh* [kalah].

Hafidzon : **Jadi kapten rasa, tadi kita banyak berbincang tentang dasar parti. Adakah wajar golongan mahasiswa menceburi bidang politik?**

Kapten : Dia sebenarnya, zaman dah berubah. Dulu kita bukannya langit terbuka, ataupun sistem globalisasi. Sekarang ini pakai dihujung jari pun boleh dapat maklumat. (tarik nafas) Pelajar hari ini, dia orang muda *ni* [ini] biasalah dia kadang-kadang, sebab dia tak pernah lalui hidup yang susah. Dia merasakan sikit-sikit retorik, sikit-sikit retorik politik. Dia tak *sedor* [sedar] sebenarnya, contohnya macam *deme* [kamu semua] lah, masuk UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Semua dekat dalam *tu* [itu] budak-budak Melayu, adalah campur budak-budak bumiputra dari Sabah Sarawak sikit. Kalau *takdelah* [tiadalah] UiTM [Universiti Teknologi Mara] *ni* [ini], kalau kita nak berlawan sama-sama *handei* [handal] dekat Universiti Malaya *deme* [kamu semua] rasa *deme* [kamu semua] dapat ke? Belum tentu tahu, minta maaf cakaplah. Bukan saya nak mengata *deme* [kamu semua] tak hebat tidak, tapi belum tentu. Tapi Alhamdulillah lah kerajaan yang dipimpin oleh UMNO [United Malays National Organisation] itu sendiri menyediakan UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Begitu juga universiti-universiti lain, dia

mengubah universiti itu kuota untuk orang Melayu, itulah orang Melayu dapat. Tetapi budak-budak muda hari ini, dia masuk universiti ke dia masuk apa ke dia rasa dia cerdik. Dia konon-konon dia hebat. Dia lupa dia masuk itu sebab nama dia itu, nama dia Melayu. Kalau kita buka ruang, contohnya macam matrik [Kolej Matrikulasi] lah. Kita buka ruang *fight* [lawan] sama-sama adil (telan air liur) tak lepas. Kita bercerita tentang enam A [6A] ke tujuh A [7A], bangsa lain bercerita pasal dua belas A [12A] maksimum, *full A* [A penuh]. Macam mana kita nak lawan? Tapi kalau kouta ini dibagi pengkhususan kepada orang Melayu, sebab itu kita dapat masuk. Sebab itu cina marah benda ini, sampai bila benda ini! Sampai bila nak bagi benda *gini* [macam ini]? Sikit-sikit orang Melayu, sikit-sikit orang Melayu. Orang Melayu ini dia ibarat dia ada matahari, maknanya jalan dia terang *je* [saja]. Cina terpaksa pakai torchlight [lampu suluh] bersuluh nak cari jalan. Hak ini yang dia marah hari ini. Tapi budak-budak kita ini dia tak dengar, dia lebih suka dengar benda-benda yang kata orang *tu* [itu] dia rasa benda itu betul. Sedangkan dia tak tahu dasar perjuangan yang sebenar. Dia tak tahu, dia itu sebab orang Melayu sebab dapat duduk situ. Itu yang kita kena tahu, sebab ini tanah Melayu. Kita kena bangga dengan kita jadi orang Melayu. Kalau dia tak percaya *ok* [baik] berlawan kita buka *open* [terbuka] tengok siapa dapat. Itu saja saya boleh bagi tahu, tapi sebab deme [kamu semua] orang muda kan? Kena terang pada generasi muda, janganlah rasa dia itu hebat sangat. Tak ada, tapi sebab dia ini *mim alif ya wau* [huruf jawi] dia dapat duduk situ. Itu sahaja saya boleh bagi tahu.

Hafidzon : Saya pun akuih benda yang Kapten (B) katakan tadi, sepertimana Tun Mahathir [bekas perdana menteri Malaysia] pernah berkata kekuatan Melayu hanyalah pada politik di Negara kita. Bangsa lain sudah menguasai bidang perniagaan seperti cina telah lakukan di Negara kita hari ini. (batuk) Jadi saya nak mintalah Kapten (B) beri sedikit kata-kata semangat atau harapan Kapten kepada anak-anak bangsa pada hari ini?

Kapten : Dia sebenarnya, tidak ada Negara dalam dunia ini ekonomi dikuasai oleh bangsa lain, dan politik dikuasai oleh bangsa lain. Biasanya, sesiapa yang memegang ekonomi, dialah *control* [kawal] politik. Tapi kita di Malaysia terbalik, ekonomi orang lain *control* [kawal] tapi bangsa Melayu yang memegang politik. Kita tengok negara-negara lain, tengok kita dulu Afrika Selatan [Negara]. Dasar *Apartheid* [perkauman] dulu, sebab ekonomi orang putih dia *control* [kawal] nya Afrika [benua]. Sedangkan peribumi Afrika[benua] itu sendiri patut bumi dia, negeri dia, negara dia. Sampai *diorang* [mereka] berlawan, sampai Mandela [bekas presiden Afrika Selatan] berlawan, sampai barulah dapat balik pengiktirafan. Serupa juga kita di Malaysia *ni* [ini], ekonomi orang lain pegang tapi kita masih lagi memegang kuasa politik. Ini adalah suatu benda yang unik. Sebab itu kalau budak-budak muda hari ini dia kena suka tak suka, dia kena bersatu [1], dan dia kena fikir sebaik mungkin supaya jangan kata orang *tu* [itu], *dah terhantuk baru terngadah* [pepatah]. Sebab kalau dah terhantuk baru terngadah dah tak guna, jangan menyesal. *Kena menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian dah tak berguna* [pepatah]. Jangan sampai *besok* [esok] orang-orang kita mengemis di bumi sendiri. Kalau kita tak bersatu [1], saya yakin

dan pasti kita orang-orang Melayu akan mengemis di bumi sendiri. Sebab kita tak pernah belajar, kita tak pernah nak tengok negara orang. Dan kita tak nak melihat, kita serata di Malaysia ini susah (batuk). Saya pernah duduk di Indonesia. Indonesia pergi hospital semua bayar. Nak sekolah *takde* [tiada] duit tak lepas belajar. Kita di Malaysia ini macam-macam kemudahan disediakan. Hospital kena bayar seringgit[RM1] *je* [saja] ubat berpuluh ringgit dapat. Lepas itu kita nak belajar susah-susah kita di Malaysia ini, setidak-tidaknya pinjaman ada kerajaan disediakan. Kalau *aok* [awak] betul-betul *excellent* [cemerlang] awak dapat biasiswa. Awak tak boleh pertikaikan kenapa kerajaan tak sediakan biasiswa. Contohnya macam saya, saya selalu cakap ke anak-anak bekas tentera (batuk), kita tak boleh berdengki kalau tentera menyediakan biasiswa pada anak-anak yang cemerlang. Kalau anak kita cemerlang dia dapat biasiswa. Kalau anak kita tak berapa cemerlang kita nak kata macam mana. Itu rezeki kita, tak bolehlah kita nak berdengki dengan orang. Sebab itu kerajaan menyediakan contohnya MARA [Majlis Amanah Rakyat], siapa dapat *three point five* [3.5] punya ini kan? Dia hapuskan pinjaman, dapat sekian-sekian banyak dia kurang, kurang, kurang. Kalau awak nak hapuskan pinjaman, awak belajarlah betul-betul. Awak dapatkan skor [markah] tinggi. Tak payah kena bayar. Itu adalah satu [1] [1] insentif yang dibagi oleh kerajaan supaya kita sedar, jangan ambil benda itu sebagai kata orang *tu* [itu] satu [1] penganiyaan kepada kita. Sekarang ini kita malas belajar, tapi kita sibuk kata orang tak betul. Apa cerita? Yang ini yang silapnya. Itu saja yang saya boleh bagi tahu. Maknanya orang muda kena fikirilah, janganlah membuat sesuatu benda mengikut perasaan. Kalau kita buat satu [1] benda mengikut perasaan kita

protes [bantah] *besok* [esok] tugas *kome* [kami] dah habis orang tua, *kome* [kami] dah menyediakan tempat pada *deme* [kamu semua]. *Kome* [kami] berjuang bersusah payah dahulu menyediakan tempat *deme* [kamu semua]. Tugas *deme* [kamu semua] sekarang ini nak berjuang nak menentukan anak-anak *deme* [kamu semua] pulak. Maknanya cucu-cucu *kome* [kami] akan datang (batuk). Kalau *deme* [kamu semua] tak sepakat hari ini, tak terperanjatlah anak-anak *deme* [kamu semua] ataupun cucu-cucu *kome* [kami] esok akan terbiar. Itu sajalah, kalau *deme* [kamu semua] tak jaga hari ini. Sebab itu orang muda hari ini, dia suka *dengar guruh dilangit air ditempayan dicurahkan* [pepatah]. Sebab itu pepatah orang tua ini dia ambil kira belaka dah. Dengar orang sana *offer* [tawar] bagus kita pun dah mula percaya. Padahal itu hanya *guruh je* [saja] belum tentu hujan lagi. --- Maknanya orang tua ini dia buat satu [1] peribahasa ini dia dah buat kajian. Orang muda hari ini dia memang macam *tu* [itu]. *Dengor* [dengar] itu bayar PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] *freelah* [percumalah] dapat beri belum tentu. Saya pernah cakap dengan kelompok ANAK [Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan] gabungan anak-anak peneroka. Dia cerita kalau parti PKR [Parti Keadilan Rakyat] atau pembangkang memerintah dia akan tolong bekas tentera. Dia akan bagi tanah pada bekas tentera. Saya tanya dia mudah *je* [saja], *aok* [awak] bekas tentera ada berapa ramai? Dia kata tak tahu, bekas tentera ada lebih kurang dalam tiga ratus lima puluh ribu [350,000] orang. Kalau awak nak buatlah satu [1] benda nak bagi bekas tentera ini, tiga ratus lima puluh ribu [350,000] awak kena sediakan tiga point [perpuluhan] lima [3.5] juta ekar. Boleh? *Ok* [baik] sekarang ini awak buat di Kedah, masa itu Kedah masih lagi

diperintah oleh PAS [Parti Islam Se-Malaysia], di Kelantan masih lagi diperintah. Awak cuba buat di Kelantan dulu. Kelantan ada lebih kurang dalam lapan belas ribu [18,000]. Awak sediakan tanah untuk bekas tentera ini, lapan belas ribu [18,000] orang ini dapat sepuluh ekar seorang, seratus lapan puluh ribu [180,000] ekar. Kalau di Kelantan boleh buat, kome [kami] di Pahang akan ikut sekali buat. Jangan cakap, sebab kita ini suka dengar cerita. Sebab orang Melayu ini, dia suka dengar suatu benda yang dia boleh beri harapan tahu. Politik ini, orang politik ini dia bercerita sesuatu benda ini supaya kita berfikir.--- Macam kita beli nombor ekorlah contohnya, bila beli ini kita beranganlah esok dapat kan? Beli nombor ini dapat, ini dapat hadiah ini. Itu sikap kita suka berangan, benda yang belum tentu jadi realiti. Akhirnya bila sampai masanya siapa yang susah? Sebab cina dia nak memerintah, dia sabor [sabar]. Selama *ni* [ini] dia *bior* [biar] bila dia tengok orang Melayu berpecah dia masuk daun. Yang ini berlaku hari ini. Sebab itu hari ini bila orang Melayu mula berpecah kita dah tak kuat. Bila tak kuat sedap dia masuk. Dia boleh bersatu [1] dengan sama-sama dia, dengan satu [1] SMS [system pesanan ringkas] saja dia boleh bertukar pemikiran. Kita orang kita duduk beramuk, *last* [akhir] sekali? Bayanglah kita tengok dulu, Perak habis, Penang habis, Selangor habis. Sekarang *ni* [ini] Perak dapat balik dah. Selangor nak dapat balik bukan senang *tu* [itu] sebab cina *control* [kawal] *tu* [itu] majoriti. Serupa juga di Penang, tak mimpi lah nak dapat balik. Jadi apa akan jadi dengan orang Melayu. Dia buat *style* [cara] Singapore [negara], macam di Penang. Dia buat rumah mahal-mahal, orang Melayu tak mampu beli. Dia menghalau orang Melayu secara terhormat, itu saja. Maknanya orang kita tak sedar, orang kita masih percaya ini masih lagi

retorik politik. Sebab itu deme [kamu semua] orang muda kena beritahulah orang muda supaya sedar benda *ni* [ini]. Ya, *ok* [baik]? Habis dah?

Hafidzon : *ok* [baik] saya rasa sekian sajalah sesi wawancara kita pada hari ini. Jadi saya nak ucap terima kasihlah kepada Kapten (B) kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama untuk merealisasikan pendokumentasian lisan ini. Jadi sekian saja wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

LAMPIRAN

SOALAN

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Adakah apa-apa nama panggilan lain selain daripada nama sebenar Tuan?
3. Bila dan dimanakah Tuan dilahirkan?
4. Berapakah umur Tuan sekarang?
5. Aktiviti apakah yang menjadi pilihan Tuan sekiranya mempunyai masa lapang?
6. Makanan dan minuman apa yang menjadi kegemaran Tuan?
7. Boleh Tuan nyatakan siapakah yang menjadi idola Tuan?
8. Apakah nama ibu bapa Tuan?
9. Berapakah bilangan adik-beradik Tuan?
10. Boleh Tuan ceritakan sedikit sebanyak mengenai zaman kanak-kanak Tuan?
11. Bilakah tarikh perkahwinan Tuan?
12. Apakah nama isteri Tuan?
13. Apakah pekerjaan isteri Tuan?
14. Suka saya nak bertanyakan mengenai jalan cerita permulaan perkenalan Tuan dan isteri, boleh cerita sedikit tak?
15. Berapakah bilangan anak Tuan?
16. Apakah status anak-anak Tuan?
17. Adakah Tuan sudah mempunyai cucu?
18. Bagaimana pula dengan cicit?
19. Siapakah yang tinggal bersama Tuan disana?
20. Apakah makanan kegemaran Tuan?
21. Apakah minuman kegemaran Tuan?
22. Apakah filem kegemaran Tuan?

23. Apakah buku kegemaran Tuan?
24. Apakah hobi Tuan pada masa lapang?
25. Apakah nama penuh bapa Tuan?
26. Apakah nama penuh ibu Tuan?

BAHAGIAN B : PENDIDIKAN

27. Mengenai pendidikan Tuan, boleh kami tahu sejak bila Tuan mula bersekolah?
28. Adakah apa-apa jenis halangan ketika Tuan berada di bangku sekolah?
29. Apakah mata pelajaran yang paling diminati?
30. Apakah jawatan yang pernah disandang oleh Tuan di peringkat sekolah?
31. Dimanakah Tuan menyambung pelajaran selepas sekolah menengah?
32. Dimanakah Tuan mendapat pendidikan awal?
33. Sejauh manakah penglibatan Tuan sepanjang persekolahan?
34. Dimanakah Tuan melanjutkan pelajaran selepas SPM?
35. Di universiti manakah Tuan melanjutkan pelajaran?
36. Apakah bidang yang Tuan ceburi semasa di universiti?
37. Adakah peristiwa-peristiwa lain yang berlaku sepanjang Tuan belajar yang dapat dikongsi di sini?
38. Apakah dorongan utama Tuan ketika belajar?
39. Apakah cita-cita Tuan ketika belajar?
40. Apakah prinsip hidup Tuan ketika itu?

BAHAGIAN C : KERJAYA

41. Apakah bidang pekerjaan pertama Tuan selepas tamat pengajian?
42. Di manakah tempat pertama Tuan mula bekerja?
43. Apakah jawatan yang disandang pada ketika itu?
44. Adakah Tuan berminat dengan perkerjaan dan jawatan tersebut?

45. Pada tahun bilakah Tuan mula berkerja?
46. Berapakah anggaran gaji bulanan yang dipcrolchi?
47. Bagaimanakah Tuan boleh terlibat dalam perkerjaan itu?
48. Adakah seseorang dalam kalangan rakan Tuan yang mencadangkan perkerjaan itu?
49. Siapakah individu yang banyak memberi galakan kepada Tuan sepanjang berkerja?
50. Apakah kenangan manis semasa berkerja?
51. Apakah kenangan pahit semasa bekerja?
52. Berapa lama tempoh pekerjaan pertama Tuan?
53. Apakah sebab mendorong Tuan berhenti?
54. Apakah pencapaian Tuan pada ketika itu?
55. Apakah sumbangan terbesar Tuan sepanjang berkhidmat disitu?
56. Adakah Tuan pernah menerima pengiktirafan semasa berkhidmat?
57. Bolehkah Tuan nyatakan pengiktirafan yang bagaimana Tuan pernah terima?
58. Selepas berkhidmat disana, apakah perkerjaan Tuan yang seterusnya?
59. Adakah Tuan pernah terfikir untuk menjadi seorang kapten?
60. Berapakah umur Tuan ketika menjadi kapten?
61. Bagaimanakah Tuan boleh dilantik menjadi kapten?
62. Boleh saya tahu di negeri manakah Tuan dilantik sebagai kapten?
63. Apakah peranan utama seorang kapten?
64. Adakah sukar untuk seseorang askar biasa untuk dilantik menjadi kapten?
65. Bolehkah tuan terangkan secara ringkas tentang bagaimana proses pemilihan untuk melantik seseorang itu menjadi kapten?
66. Melalui sedikit kajian yang kami lakukan, adakah benar tragedi di Sungai Lui, Raub adalah antara bukti sejarah mengenai kehebatan askar melayu dalam menentang pengganas komunis di Malaysia?
67. Adakah Tuan antara inividu yang terlibat dalam penentangan tersebut?

68. Bolehkah Tuan kongsi sumbangan terbesar sepanjang berkhidmat sebagai kapten?
69. Apakah kenangan manis sepanjang menjadi kapten?
70. Apakah kenangan pahit sepanjang menjadi kapten?
71. Apakah anugerah yang pernah diraih sepanjang tempoh perkhidmatan Tuan?
72. Berdasarkan pengalaman Tuan, adakah tuan merasakan bahawa ini adalah profession yang sukar?
73. Apakah jenis kecederaan yang paling teruk pernah Tuan alami sepanjang perkhidmatan Tuan?
74. Bagaimanakah Tuan menghadapi cabaran tersebut?
75. Adakah Tuan masih lagi merindui perkerjaan sebagai kapten tersebut?

BAHAGIAN D : POLITIK

76. Melalui penyelidikan kami, Tuan aktif dalam bidang politik, jika tidak keberatan bolehkah Tuan berkongsi kepada kami mengenai penglibatan Tuan dalam bidang politik?
77. Apakah yang mendorong Tuan untuk melibatkan diri dalam politik?
78. Pada tahun berapakah Tuan mula melibatkan diri dalam bidang politik?
79. Adakah Tuan masih aktif dalam bidang politik?
80. Apakah sumbangan Tuan dalam bidang politik?
81. Apakah yang disertai oleh Tuan semasa melibatkan diri dalam bidang politik?
82. Menurut Tuan wajarkah mahasiswa berpolitik?
83. Apakah pendapat Tuan tentang politik pada masa kini?
84. Pada pemerhatian Tuan bagaimana keadaan politik di negara kita?
85. Pada pandangan Tuan, mengapakah tercetusnya provokasi terlampau hamper setiap kali pilihan raya diadakan?
86. Selama Tuan terlibat dalam bidang politik, apakah cabaran terbesar yang Tuan tempuhi?
87. Selama Tuan terlibat dalam bidang politik, adakah Tuan pernah menerima ancaman dari pihak luar?
88. Biasanya dari segi atau jenis ancaman apakah yang diterima?

89. Bagaimanakah atau apakah langkah yang Tuan ambil untuk menangani ancaman tersebut?
90. Apakah Tuan pernah menghadapi (isu yang paling sensitif) yang mengganggu gugat kerjaya dan keluarga?

LOG WAWANCARA

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
00.01	Latar belakang tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1) , Kuala Lipis, Pahang 2) United Malays National Organisation 3) 4) 5) Kota Bharu Kelantan 6) Negeri Sembilan 7) Temerloh 8) Maktab Rendah Sains Mara
00.13	Latar belakang pendidikan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1) Maktab Tentera Diraja 2) Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi ibni Alang Iskandar II
00.24	Bidang pekerjaan pertama tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1) Bandar Gopeng 2) Lapangan Terbang Seberang Takir 3) Ipoh
00.27	Cita-cita tokoh untuk menjadi seorang askar	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sungai Raub 2) Pahang 3) Kelantan 4) Sabah

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
00.32	Sumbangan tokoh sepanjang perkhidmatan ketenteraan	1) Prebet Karim 2) Penolong Ketua Komunis Pahang Barat 3) Max
00.34	Pengiktirafan sepanjang perkhidmatan tokoh	1) Persatuan Bekas Tentera Negeri Pahang 2) Dato' Seri Najib
00.38	Tempat perlantikan tokoh sebagai seorang Kapten	1) Markas Briget Kota Bharu, Pengkalan Chepa. 2) Kelantan 3) Terengganu
00.42	Pengalaman manis dan pahit semasa tokoh bekerja	1) Sibul, Sarawak
00.45	Kecederaan dialami tokoh sepanjang perkhidmatan	1) Allah s.w.t
00.46	Kerinduan tokoh terhadap kerjaya Kapten	1) Allah s.w.t 2) Persatuan Bekas Tentera Negeri Pahang
00.48	Anugerah yang diterima tokoh	1) Pingat Khidmat Cemerlang 2) Ahli Mangku Pahang 3) Ahli Mangku Negara

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
		4) Prebet Awang
00.49	Dorongan tokoh kearah politik	1) United Malays National Organisation
00.51	Tahun tokoh menceburi bidang politik	1) United Malays National Organisation
00.52	Sumbangan tokoh dalam bidang politik	1) Allah s.w.t 2) Rasulullah s.a.w 3) Mekah 4) Madinah 5) United Malays Organisations
00.59	Ancaman dialami tokoh dalam bidang politik	1) United Malays Organisations 2) Universiti Teknologi Mara 3) Kolej Matrikulasi
01.01	Pandangan tokoh tentang penglibatan mahasiswa dalam politik	1) Universiti Teknologi Mara 2) Universiti Malaya 3) United Malays Organisation 4) Kolej Matrikulasi
01.04	Harapan tokoh kepada anak-anak bangsa	1) Afrika Selatan 2) Nelson Mandela 3) Majlis Amanah

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
		<p>Rakyat</p> <p>4) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional</p> <p>5) Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan</p> <p>6) Parti Keadilan Rakyat</p> <p>7) Kedah</p> <p>8) Parti Islam Se-Malaysia</p> <p>9) Kelantan</p> <p>10) Pahang</p> <p>11) Perak</p> <p>12) Penang</p> <p>13) Singapura</p>

A

air force · 17
aman · 19, 24
anak · 2, 3, 6, 9, 13, 20, 21, 22, 24, 29, 32, 41, 44, 45, 50, 57
Aparteid · 44
artillery · 17
askar · 10, 12, 16, 18, 19, 20, 27, 28, 30, 31, 34, 52, 55
asrama · 12, 13
automatik · 8, 17, 29, 34, 38
ayah · 2, 3, 12, 13, 24, 40

B

bandar · 17
bangsa · 8, 11, 21, 23, 33, 36, 41, 43, 44, 57
batalion · 17
berani · 19, 21, 30
beza · 6, 13, 15, 18, 23, 29
basiswa · 12, 13, 45
bidang · 1, 10, 16, 20, 22, 23, 26, 33, 34, 35, 37, 42, 43, 51, 53, 57
bom · 19, 21, 22, 30
boobie trap · 19, 21, 30
bumiputra · 42

C

cikgu · 12, 18
cina · 16, 17, 41, 43, 47
control · 29, 44
coordinate and search · 16, 17

D

demonstrasi · 25
dibandingkan · 5, 18, 21
diri · 1, 4, 6, 8, 10, 12, 13, 20, 23, 24, 32, 39, 53
dulu · 2, 3, 7, 8, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 20, 23, 28, 33, 34, 38, 41, 44

E

ekonomi · 12, 44

claun · 12, 18

F

fanatik · 34
focus · 13

G

gaji · 18, 23, 52
ghaib · 17
glamor · 36, 39
Gopeng · 16, 17, 55
group [kumpulan] · 17, 22

H

hemoc · 21
hospital · 18, 44
huru-hara · 25
hutan · 17, 21, 24, 28, 29

I

ijazah · 18
imbuhan · 23, 37
Ipoh · 16, 55
Islam · 8, 33, 35, 36, 40, 46, 57

J

jasa · 23
jawatan · 14, 26, 27, 33, 36, 51
junior · 15

K

kampung · 2, 3, 12, 15, 40
kapten · 1, 9, 10, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 42, 52, 53
keistimewaan · 9, 16, 18
kem · 21
kerajaan · 12, 13, 23, 41, 42, 45

keselamatan · 18
ketenteraan · 17, 20, 22, 27, 56
Ketua · 17, 56
KFC (Kentucky Fried Chicken) · 7
komunis · 17, 21, 22, 23, 27, 28, 31, 32, 52

L

Leftenan · 17

M

Maktab Tentera Diraja · 10, 55
masa · 1, 4, 6, 7, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 23, 25,
26, 29, 30, 32, 33, 34, 36, 41, 46, 48, 50, 51, 53
mati · 17, 21, 31, 32
MCE · 10, 12
Melayu · 9, 11, 16, 28, 30, 33, 35, 40, 42, 43, 44
mengamankan · 23
minat · 7, 8, 9, 10, 19, 27, 31, 39
motto · 28, 33
muda · 16, 17, 18, 19, 21, 25, 30, 35, 38, 39, 42, 44
musuh · 20, 22

N

negara · 8, 19, 20, 23, 27, 30, 31, 33, 38, 44, 53
niat · 39

O

operasi · 16, 17, 19, 21, 26
orang · 2, 3, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 17, 19, 21, 22, 23,
26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 38, 39, 40, 42, 44

P

Pahang · 2, 3, 19, 22, 23, 31, 32, 35, 47, 55, 56, 57
parti · 2, 33, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 46
peluru · 20, 22
perjuangan · 8, 23, 36, 38, 43
perkhidmatan · 18, 23, 31, 53, 56
Persatuan · 23, 31, 46, 56, 57
pesawat · 16
Platun · 17
Politik · 25, 33, 47

protect · 15

R

rasa · 12, 13, 21, 22, 25, 27, 39, 40, 42, 48
Raub · 19, 28, 52, 55
rejimen · 16, 28
retorik · 42
rumah · 7, 12, 18, 47

S

seberang takir · 16
sekolah · 2, 3, 7, 8, 10, 12, 13, 14, 15, 44, 51
selamat · 1, 21
senior · 15, 26, 35
senjata · 24, 31
sultan · 16, 32
sumbangan · 22, 24, 35, 52, 53
supporters [penyokong] · 17

T

Tahun · 11, 19, 57
taktik · 17, 20, 34
tanggungjawab · 20, 23, 30
tembak · 21, 31, 32
terpengaruh · 25

U

ugama [agama] · 8, 23, 33, 35, 36, 41
UMNO [United Malays National Organisation] · 2, 33, 34,
36, 38, 39, 40, 42
umur · 1, 18, 21, 25, 50, 52
unit · 4, 16, 17, 22, 27, 30

V

Vietnam · 11, 20

W

waran · 13
warga · 31

Rujukan

Abd Latif bin Mohd Nor. (2014, April 25). *Interviewed by Mohamad Hafidzon bin Shahidan*. Kelantan : Universiti Teknologi Mara.

Persatuan Bekas Tentera Malaysia. Retrieved May. 30, 2014, from the World Wide Web: <http://pbtm.my/v1/sejarah>



Gambar 1 : Kenangan zaman persekolahan Tokoh



Gambar 2 : Sewaktu Tokoh ditauliahkan ke dalam pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja



Gambar 3 : Sewaktu beroperasi dalam pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja bersama anjingnya bernama Max



Gambar 4 : Tokoh menerima piala sewaktu berkhidmat dalam pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja



Gambar 5 : Ditauliahkan sebagai Leftanan Muda pada 14.06.1978 di Maktab Tentera Diraja. Sultan yang menyampaikan tauliah ialah Sultan Perak Sultan Idris [Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi ibni Alang Iskandar II]



Gambar 5 : Sesi wawancara bersama Tokoh oleh Mohamad Hafidzon b. Shahidan



Gambar 6 : Mohamad Hafiz b. Mohamad Helmi menyampaikan penghargaan kepada Tokoh, selepas selesai sesi temuramah.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan KPT.(B) ABDLATIF & MOHD NOR Pada 25/04/2014

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada 25/04/2014 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.